AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

ڤليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 28 BILANGAN I | RABU 5HB JANUARI, 1983. | رابو 20 ربيع الاول 1403 | PERCUMA

## Menempuh tahun 1983

# BAHARUI AZAM DAN TEKAD



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei

DI DALAM


- BRUNEI tidak tentang akidah Islam 3
- KEBENDAAN jangan jejas nilai ugama 3
- RENCANA: Daerah Tutong semakin berkembang 6—7
- PUNCA kemunduran ekonomi Islam 8
- LAHIRIAH perlu selaras dengan rohaniah 9
- 'SALAHGUNAKAN kuasa' bukan sifat Rasulullah 12


BANDAR SERI BEGAWAN. — KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei berharap dalam titah Baginda agar kita membaharui azam dan tekad untuk bekerja dengan lebih gigih lagi pada meningkatkan perkhidmatan yang effisyen, jujur dan amanah terutama yang berhubung dengan kepentingan orang ramai.

Sifat sedemikian itu bukan saja perlu sebagai persiapan untuk menghadapi masa depan yang mencabar apabila mencapai kemerdekaan yang tidak berapa lama lagi, "tetapi merupakan amalan yang baik yang dapat mencerminkan sikap orang-orang Brunei dalam memikul tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka," titah Kebawah DYMM lagi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan bertitah demikian dalam perutusan Baginda sempena menyambut tahun baru Masehi 1983 yang disiarkan melalui Radio dan Talivisyen Brunei sebaik-baik saja menjelang tiba tahun baru itu pada malam Sabtu lepas.

Titah Kebawah DYMM

Lihat muka 20

**MANISNYA IMAN** "CUBAAN akan terus-menerus berlaku keatas orang-orang beriman lelaki dan perempuan — dalam perkara dirinya, anaknya dan hartanya — sehinggalah dia menempuh maut. Jika dia menghadapinya dengan sabar tiadalah dia menanggung dosa." — HADITH Nabi riwayat At-Tirmizi daripada Abu Hurairah.

## Titah perutusan tahun baru

BETA bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izinNya jua kita telah dapat melalui tahun 1982 yang baru saja ditinggalkan dengan menikmati keamanan, ketenteraman dan kemakmuran dan hendaklah kita menjauhi daripada hasad dengki dan pengaruh pada menguntungkan diri perseorangan.

Keamanan dan ketenteraman ini telah dapat dipelihara dan dikekalkan dengan kebijaksanaan dan kecekapan pasukan-pasukan keselamatan yakni Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei dan Pasukan Pulis Diraja Brunei serta kerjasama rakyat dan penduduk di seluruh Negeri Brunei Darussalam ini. Beta berharap supaya orang ramai akan terus-menerus memberikan bantuan dan kerjasama dalam usaha mengekalkan keamanan dan ketenteraman negeri ini.

Beta juga sukachita untuk menyampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan Beta kepada semua pegawai Kerajaan Beta di semua peringkat yang menjalankan tugas-tugas mereka dengan baik serta berlurus lagi jujur dengan kerana Allah jua dalam menggerakkan jentera pentadbiran Kerajaan Beta pada tahun lalu.

Bersempena awal tahun Masehi 1983 ini Beta berharap kita akan dapat membaharui azam dan tekad untuk bekerja dengan lebeh gigih pada meningkatkan lagi hasil pekerjaan kita dalam ertikata perkhidmatan yang effisyen, jujur dan amanah terutama yang berhubung dengan kepentingan orang ramai. Sikap ini bukan saja perlu sebagai persiapan Negeri Brunei dalam menghadapi masa depan yang mencabar apabila Negeri Brunei akan mencapai semula taraf kemerdekaannya tidak lama lagi, tetapi merupakan amalan yang baik yang dapat mencerminkan sikap orang-orang Brunei dalam memikul tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka.

Kepada seluruh rakyat dan penduduk di negeri ini Beta sukachita mengingatkan supaya akan sentiasa mengamalkan sikap rajin berusaha serta sentiasa memelihara perpaduan yang diredai Allah dalam ertikata bersopan-santun dan galat-menggalati diantara satu dengan lain yang mana sifat dan pembawaan saperti itu adalah seisi dengan identiti ke Bruneian yang tulin atau hidup dengan penuh beradat dan beradab zahir dan batin, yang mana sistem kehidupan saperti itu telah pun kita warisi dari zaman ke zaman.

Satu dari perkara yang baik diamalkan dalam apa jua bentuk perkembangan khususnya dalam perkembangan masyarakat ialah sifat kesederhanaan dan sebaik-baik pegangan biarlah pertengahan yang mana sifat sedemikian itu adalah disuruh oleh ugama kita.

Bersempena dengan tahun baru 1983 ini marilah kita sama-sama berdoa semoga Allah s.w.t. akan terus melimpahkan rahmat-Nya kepada Negeri Brunei Darussalam dan segala manusia isi didalamnya supaya semua usaha yang kita laksanakan bagi kemajuan Negeri Brunei ini akan dapat disempurnakan. Pada saat yang berbahagia ini Beta dan ahli-ahli keluarga Beta dengan sukacita mengucapkan "Selamat Menyambut Tahun Baru" kepada semua rakyat dan penduduk Negeri Brunei Darussalam semoga Allah akan memperlindungi kita semua dan memberkati usaha-usaha kita yang diredaiNya sepanjang tahun baru ini dan bagi tahun-tahun yang akan datang.

## 1983: Tahun cabaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Amat Berhormat Pemangku Mentri Besar Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dalam ucapan alu-aluan sempena tahun baru berkata bahawa tahun 1983 ini adalah tahun yang sangat penting dan mencabar serta gemilang dalam sejarah perkembangan dan kemajuan Negeri Brunei.

Menurutnya berbagai-bagai projek Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang dilaksanakan pada tahun lepas dan tahun-tahun yang sebe-



**Y.A.B. Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz.**

lumnya adalah pada hakikatnya dihasratkan dapat siap dalam tahun ini.

YAB Pemangku Mentri Besar menjelaskan: "Dalam kesibokan kita mengusai dan memperelokkan negeri Brunei khususnya Bandar Seri Begawan ini, kita telah mengalami beberapa gangguan yang sekali-kali tidak dapat dielakkan seperti kesukaran lalulintas serta keadaan alam sekitar yang tidak tersusun dan lain-lainnya."

Keadaan herok pikok itu, tambahnya, insha-Allah akan bertukar menjadi tenteram dan selesa apabila kerja-kerja pengubahsuaian bandar ini akan selesai nanti.

Namun begitu dalam suasana perkembangan sekarang, menurut YAB Pemangku Mentri Besar,

Lihat muka 20

## 1,200 resit-resit lesen memandu hilang

**GADONG. — Jabatan Pengangkutan Darat disini mengumumkan resit-resit lesen memandu bil. 537101 hingga 538300 dan cap Pegawai Melesen Bil. 30 telah hilang dari simpanan jabatan tersebut. Berhubung dengan perkara tersebut resit-resit itu adalah dibatalkan dan cap Pegawai Melesen adalah tidak sah digunakan selepas 23hb. Disember, 1982.**

**Oleh itu jabatan berkenaan meminta kerjasama orang ramai supaya akan dapat melapurkan kepada Balai-balai Pulis yang berhampiran atau pun ke Pejabat Pengangkutan Darat di Jalan Gadong sekiranya mereka menjumpai resit-resit dan cap melesen tersebut.**

Pelita Brunei

5hb. JANUARI 1983

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## 1983: TAHUN MENINGKATKAN KERJA

Adalah di jangkakan bahawa perhatian rakyat dan penduduk negeri Brunei dengan ketibaan tahun baru Masehi 1983 ini akan tertumpu kepada pencapaian semula taraf kemerdekaan penuh lagi tulin bagi Brunei. Dalam pengamatan serupa itu adalah di yakini pula orang ramai sedar inilah saat-saat yang paling mencabar kerana kemerdekaan penuh lagi tulin itu dengan sendirinya memerlukan kita semua bersedia untuk mengisi dan mempertahankannya menurut bidang dan keupayaan masing-masing.

Pengertian mengisi dan mempertahankan kemerdekaan itu barang setentunya antara lain berhubung rapat dengan apa yang akan kita sumbangkan. Dalam membuat sebarang sumbangan pula, apa yang kita perlukan bukanlah setakat menunjukkan bahawa kita tahu akan makna sumbangan itu tetapi yang utama ialah kita yakin bahawa sumbangan tersebut dilakukan dengan penuh kesungguhan dan berkesan. Keperluan kearah sumbangan serupa itu telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dalam perutusan Baginda sempena menyambut kedatangan tahun baru Masehi 1983 dalam mana Baginda antara lain bertitah: "Bersempena awal tahun Masehi 1983 ini Beta berharap kita akan dapat membaharui azam dan tekad untuk bekerja dengan lebih gigih pada meningkatkan lagi hasil pekerjaan kita dalam ertikata perkhidmatan yang efishen, jujur dan amanah terutama yang berhubung dengan kepentingan orang ramai."

Di samping khidmat pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan, mengisi dan mempertahankan kemerdekaan itu juga dengan sendirinya akan menjadi tanggungjawab bersama yang wajib dipikul oleh setiap rakyat dan penduduk di Brunei ini, kerana dalam apa jua perkembangan dan pembangunan, setiap orang adalah terlibat dan perlu melibatkan diri, kearah ini Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar dalam ucapannya sempena menyambut tahun baru 1983 antara lain telah menekankan: "Apa yang di harapkan adalah persefahaman dan kerjasama orang ramai dalam menanamkan semangat kesedaran di kalangan masyarakat bagi menghargai usaha berkebajikan yang di laksanakan oleh Kerajaan." Dalam nada yang sama Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan melalui Surat Keliling Bilangan: 30/82 bertarikh 29hb. Disember 1982 sempena menyambut tahun baru ini telah pula menekankan bahawa tahun 1983 adalah tahun yang paling mencabar mengingat kepada saat kemerdekaan yang akan menjelang, kearah itu Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan menekankan: "Sudah setentunya tugas-tugas kita akan bertambah berat dan lebih mendesak lagi, kerana kemerdekaan penuh yang akan kita capai itu memerlukan usaha gigih kita dalam semua bidang."

Dengan petikan titah dan ucapan pembesar-pembesar negara itu, adalah nyata kita tidak punya pilihan lain dalam tahun 1983 melainkan sama-sama, baik pegawai dan kakitangan Kerajaan mahu pun orang ramai membulatkan tekad untuk memikul tugas dan tanggungjawab yang lebih di tingkatkan dengan matlamat yang satu jua iaitu pada mencapai kesannya yang boleh dinikmati bersama dalam arus perkembangan dan pembangunan yang akan kita teruskan bahkan lebih kita pergiatkan disaat-saat Brunei mencapai kemerdekaan penuh lagi tulin, dan dengan bertawakal jua semoga azam kita ini akan di perturutkan Allah bersama keredaan-Nya jua.

# 1983 TAHUN GEMILANG BAGI BRUNEI

**BERIKUT ialah perutusan YAB Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz sempena tahun Masehi 1983.**

Assalamualikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah, syukor kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala, salawat serta salam kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad s.a.w. serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga keakhir zaman.

Dengan izin Allah jua kita mula memasuki tahun 1983 yang mana dalam sejarah moden perkembangan Negeri Brunei Darussalam ini adalah merupakan tahun yang sangat penting dan mencabar. Tahun ini juga adalah merupakan tahun yang gemilang dalam sejarah kemajuan Negeri Brunei. Berbagai-bagai projek Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang mula dilaksanakan mulai tahun 1982 dan tahun-tahun sebelumnya adalah dihakikatnya untuk dapat disiapkan dalam tahun ini.

### GANGGUAN

Dalam kesibukan kita mengusai dan memperelokkan Negeri Brunei khususnya Bandar Seri Begawan ini, kita telah mengalami beberapa gangguan yang sekali-kali tidak dapat dielakkan seperti kesukaran lalulintas serta keadaan alam sekitar yang tidak tersusun dan lain-lainnya. Insha-Allah keadaan herok pikuk itu akan bertukar menjadi tenteram dan selesa apabila kerja-kerja pengubah-suaian bandar ini akan selesai nanti. Apa yang diharapkan ialah persefahaman dan kerjasama orang ramai dalam memanamkan semangat kesedaran dikalangan masyarakat bagi menghargai usaha berkebajikan yang dilaksanakan oleh Kerajaan itu. Semangat seperti ini adalah sangat penting dan perlu dimiliki oleh setiap ahli masyarakat di Brunei ini, lebih-lebih lagi dalam saat Brunei sedang menempoh Hari Kemerdekaannya yang tulin.

### PENGHARGAAN

Kepada semua pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan saya mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas perkhidmatan cemerlang yang telah mereka berikan sepanjang tahun 1982 dan memanglah menjadi harapan Kerajaan dan orang ramai supaya perkhidmatan seperti itu akan sentiasa dipertahankan dan diperbaiki mutunya dari satu masa kesatu masa khususnya pada saat-saat Brunei akan berdiri diatas kakinya sendiri dan memikul tanggungjawab kenegaraannya dalam semua aspek. Tidak ada sumbangan yang lebih berharga selain daripada commitment yang ikhlas, berlurus dan kerana Allah serta dedikasi dalam menjalankan tugas dan efishen.

### SIFAT BERLURUS

Pegawai-pegawai Kerajaan dalam mengamalkan sifat berlurus dan kerana Allah memang wajarlah menjunjung kasih atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dalam pembukaan Persidangan Majlis Masyuarat Negeri baru-baru ini yang bermaksud bagi menekankan supaya undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedia ada akan dijalankan dengan berkesan, jangan sampai timbul keadaan dimana peraturan-peraturan itu hanya tinggal peraturan sahaja yakni yang terdapat diatas kertas sahaja.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah, wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.




Gambar atas menunjukkan Yang Dipertua Majlis Belia-Belia Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussein menyampaikan cenderamata kepada Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman setelah Yang Berhormat itu merasmikan Kongres Agung MBB pada hari Sabtu yang lalu.

## Ahli-Ahli J-kuasa Tertinggi MBB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sebanyak 32 buah pertubuhan belia dan kebajikan dari seluruh negeri telah menghadiri Kongres Agung Perwakilan Majlis Belia-belia Brunei, yang telah berlangsung di Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, BSB Brunei, pada hari Sabtu, 1hb Januari, 1983.

Kongres tersebut telah diresmikan oleh Yang Berhormat Pmk. Setiausaha Kerajaan Brunei Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman. Majlis itu telah di hadiri oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Mesyuarat Diraja dan Mesyuarat Negeri, Ketua-Ketua Jabatan, Pemimpin-pemimpin Pertubuhan Awam dan Perwakilan-perwakilan Belia.

Dalam persidangannya Kongres telah memilih Ahli Jawatankuasa Tertinggi Pusat sebagai pucuk pimpinan yang baru bagi tahun 1983—84, yang mana keputusan pemilihan itu adalah terdiri daripada:—

Yang Dipertua — YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussin.

Timbalan Yang Dipertua — YM Awang Haji Mohammad bin Hj. Serudin.

Setiausaha Agung Tertinggi — YM Pg. Suhaimi bin Pg. Wahid.

Pengerusi Tetap Tertinggi — YM Pg. Badarud-din bin Pg. Hj. Ghani.

Bendahari Agung Tertinggi — YM Shahbuddin Hj. Rashid.

Majlis tersebut telah di akhiri dengan ucapan-ucapan penangguhan dari ketua-ketua perwakilan dari keempat-empat daerah dan do'a selamat telah di bacakan oleh Ustaz Ismail Mohammad.

### Jalankan tugas Ketua Kampung

Dengan ini adalah dimaklumkan kepada penduduk-penduduk Kampung Kota Batu dan orang ramai amnya pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei bahawa Awang Haji Damit bin Haji Laidin, Kampung Kota Batu telah di perkenanakan untuk menjalankan tugas-tugas Ketua Kampung Kota Batu mulai dari 1hb. Nobember, 1982 sehinggalah Ketua Kampung Kota Batu yang tetap dapat dilantik.

## Lapuran akhbar Malaysia di kesali:

# BRUNEI TIDAK AMALKAN UNSUR-UNSUR YANG MENENTANG AKIDAH ISLAM

Oleh: PG. HIDOP PHS

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei amat kesal dengan lapuran yang dibuat oleh akhbar Utusan Malaysia dan Utusan Melayu keluaran 20hb. Disember, 1982 yang menyatakan orang2 Melayu di negeri ini maseh lagi meneruskan amalan yang ditolak oleh Islam.**

**Berita yang mengecewakan itu telah di-buat melalui pertemuan 'Dunia Melayu 82' yang telah berlangsung di Melaka baru2 ini, dimana dua orang peserta dari Brunei ada-lah merupakan sebahagian dari perwakilan negeri2 Melayu yang menghadiri-nya.**

Dalam pertemuan dengan 'Pelita Brunei', Awang Haji Aliddin bin Haji Othman selaku peserta menyatakan yang tajuk berita yang disiarkan oleh akhbar berkenaan telah cukup menyatakan sesuatu yang kurang baik terhadap masyarakat Melayu Brunei yang berpegang teguh dengan ajaran-ajaran Islam.

Kata-nya, masih banyak lagi perkara2 baik yang telah dinyatakan yang boleh didedahkan dan bukan perkara2 yang boleh merosakkan seperti yang telah diberitakan.

"Untok mengelakkan perkara tersebut agar tidak berlanjutan kami telah pun menghantar surat penjelasan kepada akhbar yang berkenaan," jelas Awang Haji Aliddin.

**DUKACITA**

Awang Haji Aliddin yang tidak menduga akan lapuran tersebut berasa dukacita kerana berita tersebut telah diberikan satu penyiaran sechara besar-besaran tanpa memikirkan akibat-nya.

Tambahnya, sebagai sebuah akhbar yang established mereka sepatut-nya menghubungi kami terlebih dahulu kerana sepatutnya sesuatu yang disiarkan perlu terlebeh dahulu disemak dengan lebih teliti, kerana selaku wakil negeri ini katanya mereka tidak akan membuat satu kenyataan yang boleh merosakkan.

Awang Metussin bin Omar yang bersama Awang Haji Aliddin menyifatkan lapuran tersebut adalah ironikal sekali.

**MENYINGGONG**

Katanya Brunei adalah merupakan satu-satunya negeri Melayu yang dapat mempertahankan unsur-unsur Melayu dan Islam, tiba2 tersibar satu berita yang begitu bertentangan sekali.

Kami begitu tersinggung dengan tajok berita yang telah tersiar itu kerana ia bukan sahaja memburukkan image Brunei sebagai negeri Melayu dan Islam tapi juga merupakan sesuatu yang boleh menyinggung perasaan rakyat Brunei sendiri," kata-nya.

Awang Metussin yang mengatakan pehak akhbar berkenaan kurang hati-hati dalam membuat beritanya menyatakan yang mereka tidak ada membuat apa-apa kenyataan langsong yang orang Brunei maseh meneruskan amalan2 yang bertentangan dengan ajaran Islam.

**MAJLIS**

Bagaimanapun dalam membentangkan kertas kerja dipertemuan tersebut mereka ada menyentuh mengenai kesusasteraan dizaman peralihan iaitu Hindu dan Islam.

Di Brunei sunggohpun terdapat unsur-unsur yang bukan Islam seperti umpamanya perkahwinan dan berinai akan tetapi amalan itu adalah bersifat ceremonial atau majlis sahaja bukannya dihayati sebagai keperchayaan atau amalan ugama seperti yang dinyatakan oleh akhbar berkenaan.

Lapuran akhbar itu adalah jauh meleset kerana kearah matlamat negeri ini untuk menjadikan Islam sebagai satu ideologi, negeri ini telah meneruskan usaha untok menolak mana2 unsur yang bertentangan dengan akidah Islam.



Persembahan zikir marhaban oleh kakitangan jabatan tersebut.

# Pengaruh kebendaan jangan menjejas nilai-nilai ugama

GADONG. — Dizaman moden kita terdedah dengan luas kepada pengaruh-pengaruh kebendaan. Kita hendaklah berwaspada supaya pengaruh itu tidak sampai menjejaskan nilai-nilai keugamaan kerana semata-mata untuk memenuhi kehendak hawa nafsu kepada kebendaan.

Pemangku Pengawal, Jabatan Setor-Setor dan Perbekalan Negara, Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim berharap supaya semangat berugama yang wujud dikalangan pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan itu dalam bidang ibadat hendaklah diperluaskan dari sembahyang, puasa, zakat dan menunaikan fardu haji kepada disiplin atau tatatertib dalam kehidupan yang diajarkan oleh Ugama Islam.

Beliau menyatakan demikian dalam sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. yang dianjurkan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan itu bertempat di Balai Ibadat jabatan tersebut pada hari Jumaat yang baru lalu.



Pemangku Pengawal Setor-Setor dan Perbekalan Negara Awg. Haji Dani.

Disamping kita merayakan hari keputeraan dan memperingati akan perjuangan Baginda, kata Awang Haji Dani, apa yang diharapkan dari majlis itu adalah kesan-kesan sampingan yang harus disedari oleh setiap kakitangan itu.

"Disamping kesan-kesan keugamaan, majlis ini juga diharap akan dapat menempuh kerjasama dan hubungan yang harmoni serta hormat menghormati dikalangan pegawai-pegawai dan kakitangan untuk menuju ke arah pentadbiran yang dicitacitakan oleh Kerajaan."

Sebelum majlis dimulakan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran telah disampaikan oleh Awang Mahali bin Haji Besar. Ini diikuti oleh ucapan pengerusi bagi pehak Pengawal Setor Kerajaan, Awang Haji Dani bin Ibrahim.

Satu syarahan khas telah disampaikan oleh Awang Haji Besar bin Haji Abu Bakar. Bagi menyerikan majlis pada hari itu satu bacaan berzikir marhaban telah disampaikan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan tersebut. Diakhir majlis doa selamat telah dibacakan oleh Sh. Haji Yahya bin Sh. Haji Aish.



# Hari Pelajar Didikan Kg. Ayer

MAJLIS Hari Pelajar Taman Didikan Kanak-Kanak Pertama Kawasan Kampung Air telah berlangsung pada hari Ahad 19hb. Disember lepas dengan beranikacorak persembahan serta penyertaan penuh kanan-kanak yang belajar di taman didikan itu.

Sebagai salah satu acara pada hari itu, pihak sekolah telah juga menyampaikan hadiah kepada pelajar-pelajar terbaik dan untuk memperingati sambutan tersebut pengetua taman, Dk. Masni bte Pg. Haji Lampoh telah memberikan sumbangan derma kepada Tabong Orang-Orang Buta.

Pihak Taman telah juga menyampaikan rasa penghargaan mereka kepada pihak Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar di Kampung Peramu kerana memberikan kemudahan menggunakan dewan sekolah tersebut.

Gambar atas menunjokkan kanak-kanak taman itu mempersembahkan sebuah lagu beramai-ramai.

# RBA akan ke Australia

Penerbangan Diraja Brunei akan mengadakan penerbangan sulongnya ke Darwin, Australia, mulai pertengahan tahun 1983 setelah diadakan rundingan dengan pehak 'Qantas'.

Penerbangan ke Darwin akan diadakan setiap minggu dengan menggunakan pesawat Diraja Brunei Boeing 737. Ianya akan meninggalkan Brunei pada hari Sabtu dan akan pulang semula pada hari Ahad. Penerbangan itu memakan masa kira-kira 3 jam 15 minit.

Menurut Pengurus Perdagangan Penerbangan Diraja Brunei, Awang Peter North, pehaknya berharap benar untuk meluaskan penerbangan RBA ke wilayah tersebut itu. Ini memandangkan jalinan antara kedua buah... adalah berhampiran..., dan pehaknya berharap... umat dapat meninggal turun-perkhidmatan sampai akhir itu.

PELITA BRUNEI Hari Rabu 5hb Januari

# PENDIDIKAN DALAM ISLAM

## (Sambongan) Siri ke 165

11. Sa-tengah dari adab guru: Wajib diatas guru itu meniatkan kerana Allah semata-mata dalam pengajarannya itu dan janganlah ia menjadikannya jalan dan tangga hendak sampai pada sesuatu tujuan dunia, dan mencari makan. Hendaklah guru itu meletakkan dalam fikirannya bahawa mengajar itu semustahak-mustahak ibadat dan amal dalam Islam, supaya mendorong ia membetulkan niat dan peduman, dan menggemarkannya menjaga dan menjauhi perkara yang mempudarkan semangat mengajar, kerana takut akan luput kebajikan yang besar yang terbit dari mengajar itu.

Ulama berkata: Sayugia bagi guru itu jangan ia enggan dari mengajar saseorang penuntut yang berniat belajar bukan kerana ilmu dan bukan kerana Allah, sebab diharapkan penuntut itu kelak akan berubah niatnya dan menjadi baik. Barangkali susah dan sukar bagi kebanyakan orang-orang baharu belajar hendak membetulkan niat disebabkan lemah jiwa mereka dan liar mereka dari hendak membetulkan niat, jika tiada diajar orang yang masih belum tetap hatinya itu, nescaya luputlah kebanyakan ilmu Islam, pada hal kita berharap bahawa dengan berkat ilmu yang dipelajarinya itu akan dapatlah dibetulkan niatnya, iaitu apabila jiwa penuntut itu telah jinak dengan ilmu itu.

Ulama telah berkata: Kita dahulu menuntut ilmu bukan kerana Allah, tetapi kemudiannya menjadi kerana Allah.

(Sebagai contoh orang yang menuntut sekarang kerana untuk membaiki kedudukan dirinya dan keluarganya, dan kerana makan gaji supaya senang hidup dan dipandang tinggi dalam kalangan orang2 kampung dan bandar di negerinya, ini berlawanan dengan tujuan belajar, pada pandangan Islam. Islam memandang bahawa belajar ilmu kerana menyiarkan ajaran Allah dan menyampaikan hidayah Allah kepada manusia sama ada orang Islam atau orang Kafir, apa jua niat kerana Allah itulah yang kekal dan berjaya, dan apa jua niat kerana dunia akan menemui kegagalan, kecewa disisi Allah. Rasulullah telah berdoa dan memohon dijauhkan dari ilmu yang tidak berguna yakni menyebabkan hilang pahala dan membawa chelaka atau membawa masuk neraka.)

Sayugialah guru itu mengajar penuntut-penuntut dan pelajar-pelajarnya akan adab sopan dan kelakuan yang baik beransur-ansur sedikit demi sedikit, supaya penuntut-penuntut itu terpelihara dari kelakuan dan perangai yang tercela dalam terang dan sulit.

Mula-mula guru itu hendaklah menggemarkan penuntut dan pelajarnya itu supaya bersifat ikhlas, jujur, benar dan betul niatnya, dan sentiasa ingatkan Allah setiap ketika. Sesiapa yang mengamalkan sifat yang mulia ini akan terbuka dihadapannya segala ilmu pengetahuan, lapang dadanya, dan terpancar hikmat-hikmat, rahsia-rahsia dan lutfu Allah keatasnya, dan diberkatkan keadaannya dan ilmunya, dan diberi taufik oleh Allah dengan kena dan betul perkataannya, perbuatannya dan keputusannya. Guru hendaklah memberi ingat akan penuntut supaya ia berpada-pada dengan harta dan kemewahan dunia, bahawa dunia ini akan luput dan akhirat akan datang dan kekal. Bersedia untok menghadapi yang kekal dan berpaling dari yang tiada kekal itu, adalah kelakuan dan pendirian orang-orang yang empunya azam dan jala orang-orang yang sale daripada hamba Alla Ta'ala.

Sayugialah bagi guru itu menggemarkan penuntu dan pelajar-pelajarny dalam mencari ilmu menerangkan kelebihan ilmu, dan kelebihan Ulama Islam, mereka dalam waris-waris Nabi-Nabi ('Alaihimus Salatu Wasallam), dan tiadalah ada rutbah (pangkat) lebih dari pangkat Ulama Islam.

*WALLAHU A'ALAM*

(Bersambong)

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS .......



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Se Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B. P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mu

# TAUBAT DAN ISTIGHAFAR JALAN KESEJAHTERAAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Untuk mencapai kesejahteraan dalam hidup, baik didunia mahupun diakhirat, Allah telah menyediakan satu jalan untuk mendapatkan rahmat untuk mencapai keredaanNya semata-mata untuk kesejahteraan manusia didunia dan diakhirat. Jalan yang disediakan oleh Allah itu ialah taubat dan istighfar.

"Yang dimaksudkan taubat itu ialah suatu usaha yang sungguh-sungguh pada menyesali akan perbuatan dosa yang telah dikerjakan, dan berazam tidak akan berbuat dosa lagi, dan seterusnya kembali kejalan Allah."

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya ˈtna Diraja Dato Seri Se ma Awang Haji Md. dal. daran in Haji Serudin, mengharg an demikian dilaksanak ı alu-aluan-Semangat sep ambutan ting dan perlu ammad ˈ. SM-JA disini pagi Selasa minggu lalu.

Menyentuh mengenai taubat, Yang Berhormat itu telah memetik sebuah sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud kira-kira : "Setiap anak Adam (manusia) itu berbuat kesalahan, dan sebaik-baik orang yang berbuat kesalahan itu ialah orang-orang yang bertaubat, yang meminta ampun."

Dalam kesempatan itu, Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama itu telah juga menyentuh berhubung dengan hasrat menuju kearah pentadbiran yang cekap, lagi cergas, jujur dan amanah.

Menurut Yang Berhormat itu, pegawai-pegawai kerajaan perlu menilai akan perkhidmatan mereka dan sikap mereka. Sekiranya terdapat sesuatu yang kurang tepat daripada yang dihasratkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, maka mustahaklah pegawai-pegawai yang berkenaan kembali pada peraturan-peraturan yang telah ditentukan dan berusaha membetulkan diri sendiri supaya pentadbiran kerajaan berjalan menurut sebagaimana yang dihasratkan semata-mata untuk kesejahteraan rakyat dan penduduk negeri ini, ujarnya.

Terdahulu sebelum itu, Yang Berhormat telah menekankan betapa perlunya kaum Muslimin bersungguh-sungguh pada memahami dan mengetahui dengan sebenar-benarnya akan kedudukkan dan amalan mereka sendiri berdasarkan ajaran-ajaran Allah s.w.t.

Lebih 40 ribu orang umat Islam telah menyertai perhimpunan dan perarakan yang diadakan serentak dikeempat2 daerah di negeri ini bersempena dengan sambutan perayaan kelahiran Junjongan Rasul pilihan itu.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah berkenan melafazkan titah dimajlis itu dan seterusnya berkenan berangkat bercemar Duli dan seterusnya diperkenalkan kepada ketua-ketua pasokan yang mengambil bahagian dalam perhimpunan besar-besaran itu.

Majlis pagi itu dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Haji Abdullah bin Lakim diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, syarahan khas yang telah disampaikan oleh Awang Haji Abd. Aziz bin Juned Pegawai Ugama Kanan, seterusnya diikuti dengan bacaan marhaban oleh pegawai-pegawai masjid. Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abd. Hamid bin Bakal, Kadi Besar Brunei.



Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin ketika menyampaikan ucapan alu-aluan di Perhimpunan Maulud di Ibu Negeri.

## *Lebih 2 ribu orang daftar tunai Haji*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebih ramai lagi umat Islam di negeri ini akan menunaikan fardu haji ke Mekah memandangkan kepada ramainya yang mendaftar di pusat-pusat pendaftaran di keempat-empat daerah sejak pendaftaran dibuka mulai 6hb. Disember lepas.

Awang Haji Kassim bin Haji Ahmad, Setiausaha Bahagian Haji Jabatan Hal Ehwal Ugama ketika ditemui pada 30hb. Disember lepas memberitahu setakat ini seramai 2,074 orang telah mendaftar dari seluroh negeri.

Dari jumlah tersebut Daerah Brunei dan Muara telah mencatitkan 1,600 orang, diikuti oleh Daerah Tutong seramai 277 orang Daerah Belait 142 orang dan Daerah Temburong seramai 55 orang.

Pada tahun lepas seramai 2,054 orang umat Islam di negeri ini telah menunaikan fardu haji yang diangkut dengan kapal terbang sewa khas Syarikat Penerbangan MAS sebanyak lima penerbangan.

Pendaftaran tersebut akan ditutup esok 6hb Januari.

# MEMBACA JADIKAN MANUSIA MAJU DAN BERTAMADDUN

## KHUTBAH JUMAAT



MARI-LAH kita terus bertakwa kepada Allah s.w.t. dengan taat menjunjung titah perintahNya dan menjauhi segala laranganNya.

Apa yang kita sentuh dalam khutbah kali ini, nampak-nya saperti satu perkara yang amat ganjil sahaja, iaitu tentang melatih dan menggalakkan anak-anak membaca. Tetapi sebenarnya, ia menjadi sebab berdirinya tamaddun manusia. Kerana itulah, dapat diperhatikan dari urutan sejarah Al-Quran, ayat yang mula-mula sekali turun kepada Rasulullah s.a.w., iaitu ayat yang menyuruh membaca yang maksudnya:

*"Bacalah wahai Muhammad! Dengan nama Tuhanmu yang menjadikan, Tuhan yang menjadikan manusia dari segumpal darah, bacalah! Dan Tuhanmu lebeh mulia, yang mengajar manusia menulis dengan kalam, mengajar manusia apa yang mereka belum tahu."*

Cubalah perhatikan, dari kitab-kitab sejarah akan kita ketahui bagaimana junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. digesa oleh Malaikat Jibril yang membawa wahyu supaya membaca dengan gesaan yang bertubi-tubi. Tidakkah peristiwa ini dapat memberi kebenaran jelas kapada kita, bahawa konsep membaca itu adalah yang utama dan asasi, sekiranya manusia itu mahu maju atau menjadi masyarakat yang tinggi dan bertamaddun.

Biasanya seseorang yang rajin membaca adalah berbeza dengan orang yang tidak gemar membaca. Orang yang suka membaca akan terasuh cara berfikirnya, dan banyak idea.

Kanak-kanak sekolah yang rajin membaca buku-buku pelajarannya, biasanya akan lebih pandai dari yang kurang membaca.

### PERANAN MEMBACA

Maka demikian itulah peranan membaca. Perkara ini perlu benar diambil kira oleh ibubapa. Bahawa menggalakkan kanak-kanak membaca adalah satu tanggungjawab yang tidak boleh diabaikan. Mereka selalu mendorong, melatih dan yang mustahak membimbing apa-apa yang hendak dibaca itu. Bukan sekadar menyentuh, menyediakan bahan-bahan itu, tetapi yang paling penting ialah memilihkan anak-anak buku-buku atau bahan-bahan bacaan. Pada masa sekarang, berbagai-bagai jenis buku, majalah dan surat kabar boleh didapati dijual dikedai-kedai. Banyak diantaranya yang tidak sesuai sama sekali untuk dibaca oleh kanak-kanak. Majalah-majalah filem umpama-nya, ternyata ia bukanlah bahan yang baik untuk dibaca atau dilihat oleh kanak-kanak, gambar-gambar dan cerita-cerita yang termuat didalam majalah-majalah saperti ini boleh mempengaruhi pertumbuhan yang tidak wajar kepada kanak-kanak.

Kanak-kanak adalah makhluk yang mudah menangkap, mudah menerima dan mudah mengikut. Ia menerima dan mengikut bukan berdasarkan akalnya, tetapi samata-mata kerana menganggapnya cantek dan perlu dicuba.

Selain dari bahan-bahan yang merosakkan ini, masyarakat kita juga sekarang sedang diserang oleh berbagai-bagai jenis filem. Kalau dahulu kita hanya berpeluang menuntun dipanggung-panggung, tetapi sekarang kita dapat melihatnya dikaca-kaca talibisyen. Ditambah lagi dikebanyakkan rumah-rumah sekarang sudah terdapat alat-alat video, yang boleh memutarkan dua tiga atau empat — lima buah filem sehari. Dengan berbagai-bagai cerita, ada cerita seram, ada cerita ngeri dan ada juga cerita lucah.

### AMANAH

Semua ini adalah menambahkan lagi tanggungjawab masyarakat dan tanggungjawab para ibubapa untuk lebih berhati-hati lagi. Kepada kitalah letaknya amanah, amanah negara dan bahkan amanah Allah Ta'ala, bagi mendorong dan mencipta satu jenerasi yang senonoh, yang taat lagi beriman serta berbakti kepada Allah, kepada raja dan negaranya. Kalau kita kecewa disini, bermakna kita akan kehilangan segala-galanya dimasa hadapan.

Marilah kita sama-sama mengawal dan memelihara anak-anak kita, iaitu calun-calun yang bakal mewarisi masa depan negara, mewarisi umat Brunei yang akan datang. Kita beri mereka santapan yang berguna, bimbing dan didik rohani mereka dengan bertutur dan berkesan, tiupkan jiwa ugama, beri kesedaran bertuhan, beraja dan bernegara melalui sekolah, melalui pembacaan, melalui cerita, melalui ceramah, melalui cara hidup kita orang-orang dewasa yang boleh ditiru oleh mereka itu. Jangan biarkan mereka hanyut sendiri atau tenggelam dalam arus moden dengan pembacaan-pembacaan yang tidak layak untuk mereka, dengan filem-filem yang berputar sendiri oleh mereka dengan sesuka hati mereka sahaja.

Mudah-mudahan dengan cara kita berhati-hati dan mengambil tanggungjawab yang sepenoh kepada anak-anak itu, Allah akan menyelamatkan kita, menyelamatkan negara kita, dan menyelamatkan umat Islam hingga turun-temurun sampai akhir zaman.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-WAKTU sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 5hb Januari, 1983 hingga kehari Selasa 11hb Januari, 1983 adalah seperti dibawah ini : —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5hb Jan | 12.30 | 3.50 | 6.27 | 7.40 | 4.57 | 5.12 | 6.29 |
| 6hb Jan | 12.33 | 3.52 | 6.29 | 7.42 | 4.59 | 5.14 | 6.31 |
| 7hb Jan | 12.33 | 3.52 | 6.29 | 7.42 | 4.59 | 5.14 | 6.31 |
| 8hb Jan | 12.33 | 3.52 | 6.29 | 7.42 | 4.59 | 5.14 | 6.31 |
| 9hb Jan | 12.33 | 3.52 | 6.29 | 7.42 | 4.59 | 5.14 | 6.31 |
| 10hb Jan | 12.33 | 3.52 | 6.29 | 7.42 | 4.59 | 5.14 | 6.31 |
| 11hb Jan | 12.35 | 3.55 | 6.31 | 7.43 | 5.01 | 5.16 | 6.33 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.

Sembahyang Juma'at diseluroh Negeri Brunei dimulai dari pukol 12.45 tengah hari.

## Ceramah Maulud

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bersempena dengan Sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. 1403 Hijrah bersamaan tahun 1982 Masehi beberapa rancangan ceramah ugama telah diadakan dibeberapa buah masjid di Daerah Brunei Muara, Tutong dan Temburong selepas sembahyang fardhu Maghrib.

Pada 30hb. Disember lepas ceramah-ceramah maulud tersebut telah diadakan di Surau Askar Melayu Diraja Brunei, Tutong Kem, yang telah disampaikan oleh Ustaz Hj. Mohammad bin Hj. Rais, di Masjid Kampong Sinaut, Tutong disampaikan oleh Ustaz Morshidi bin Mokthar dan di Masjid Kampong Puni, Temburong disampaikan oleh Awg. Hj. Ishak bin Abdullah.

Majlis yang sama juga telah diadakan di Pejabat Besar Pos disini pada 31hb. Disember lalu, yang mana telah disampaikan oleh Pegawai Ugama Pg. Hj. Mohammad bin Pg. Hj. Abd. Rahman. Dihari yang sama juga majlis itu telah diadakan di Masjid Kampong Bokok, Temburong, ceramah tersebut disampaikan oleh Awg. Haji Tasim bin Akim.

Ceramah-ceramah itu seterusnya telah diadakan di Masjid Kampong Batu Apoi, Temburong pada 3hb. Januari 1983 yang disampaikan oleh Awg. Hj. Abu Bakar bin Hj. Tengah. Dan satu lagi ceramah maulud telah disampaikan oleh Awg. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Piah di Masjid Kampong Labu, Temburong, kelmarin 4hb. Januari.

## Berusaha sendiri lebih utama

Dalam surah Al-Jumu'ah ayat 10 Allah berfirman yang kira-kira ertinya:

*"Apabila selesai mengerjakan sembahyang (Juma'at), bertebaranlah kamu dimuka bumi ini dan carilah kurnia Allah (Rezeki)."*

Jelas dari ayat Al-Quran tersebut menganjurkan supaya umat Islam terlebih dahulu menunaikan amal ibadat kepada Allah s.w.t, untuk bekalan diakhirat. Setelah itu barulah disuruh kita selaku hamba Allah yang perlukan makan dan minum mencari rezeki untuk kehidupan sehari-hari dengan hasil usaha masing-masing. Dari sini dapatlah kita faham bahawa kewajipan terhadap Allah itu hendaklah didahulukan dari kewajipan menanggong diri sendiri dan keluarga. Sementara mencari rezeki dengan usaha sendiri lebih utama dari samata-mata mengharapkan bantuan dan pertolongan orang lain. Pernah suatu ketika, Rasulullah s.a.w. melihat seorang laki-laki sedang duduk-duduk dalam Masjid diwaktu siang hari, Baginda lalu bertanya:

*"Siapakah yang mencarikan nafkah untuk engkau?"*

*"Saudara saya," sahut laki-laki itu. Kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda: "Saudara engkau itu lebih mulia daripada engkau sendiri disisi Allah."*

### Usaha sendiri

Diantara pengertian yang dapat diambil dari sabda Baginda ialah supaya setiap orang dewasa, bertenaga (sihat), dan normal mestilah melakukan amal ibadatnya sendiri, berusaha mencari nafkahnya, dan seboleh-bolehnya janganlah hendaknya mendapatkan hasil usaha orang lain pada mencari rezeki itu selagi ia mampu untuk mendapatkannya, walaupun dari saudara kandungnya sendiri kerana didalam sebuah hadith yang masyhur ada diterangkan ertinya: *"Tangan diatas lebih baik daripada tangan dibawah."*

Segala ajaran-ajaran yang telah disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. itu adalah semata-mata menggalakkan agar umatnya berusaha mencari bekalan untuk kebahagiaan hidup di-dunia dan akhirat. Dengan demikian secara tidak langsong akan dapatlah dibasmikan kefakiran dan kemiskinan dikalangan masyarakat.

## Bingkisan minggu ini

**Dalam sebuah hadith** Rasulullah s.a.w. yang lain, Baginda bersabda yang maksudnya:

*"Apabila hari kiamat sudah hampir tiba, sedang ditangan kamu masih ada benih, maka jangan ragu-ragu pada sa'at itu menanam benih tersebut."*

Dari maksud hadis tersebut dapatlah kita berpandu dan berpegang bahawa walaupun kita tidak akan dapat memetik hasil dari sesuatu usaha yang telah kita lakukan, hal itu tidak boleh dijadikan alasan untuk berpeluk-tubuh bahkan Islam menggalakkan dan mendorong pemeluk-pemeluknya supaya berusaha hingga keakhir hayat tanpa berputus-asa atau lemah semangat dalam menghadapi kemungkinan yang akan terjadi di-hari-hari depan-nya sebab kesemuanya itu adalah dalam pengetahuan dan kekuasaan Allah dan diluar dari kekuasaan manusia. Kesimpulannya Islam menggalakkan kita memandang hidup ini dari kacamata yang puteh dan bukan dari kacamata yang hitam disamping berusaha dan ta'at kepada Allah s.w.t. dan RasulNya.

# DAERAH TUTONG SEMAKIN BERKEMBANG

DAERAH Tutong mempunyai keluasan 450 batu persegi, terbahagi kepada 8 buah Mukim mempunyai penduduk seramai 21,000 orang kini telah menampakkan seri wajahnya hasil dari berbagai projek pembangunan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan sesuai dengan perkembangan daerah tersebut.

Dengan bertambahnya pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang berkhidmat dengan Pejabat-Pejabat Kerajaan di Daerah Tutong, Kerajaan telah menambah pembinaan rumah-rumah bagi menampung keperluan pegawai-pegawai di daerah tersebut.

Rencana dan gambar-gambar oleh:
Timbang Bakar
dan
Muhaimin Haji Muhammad



Sebanyak 8 buah unit rumah yang berbentok 'Kinabalu Type' bagi pegawai-pegawai Kerajaan di Daerah Tutong telah pun siap pembinaannya.

Antara projek-projek yang telah siap pembinaannya ialah 8 buah unit rumah kelas 'B', 8 buah unit rumah kelas 'C', 5 buah unit rumah kelas 'E', 29 buah unit rumah kelas F', 12 buah rumah kelas G', 2 buah barek yang mengandungi 12 buah pintu dan 3 buah barek bagi pekerja-pekerja buruh dan sebuah masih dalam pembinaan. Sebuah bangunan Dewan Kemasyarakatan dan 2 buah rumah persinggahan juga telah didirikan.

Kerajaan melalui Pejabat Daerah Tutong juga telah membina sebanyak 19 buah balai-balai raya, gerai-gerai tepi jalan sebanyak 6 buah dan 49 pondok-pondok perhentian bas untuk kemudahan penduduk-penduduk kampong.

Jalan adalah penghubung yang penting. Sepanjang 150½ batu jalan kecil telah dibina sejak tahun 1981, iaitu jalan yang dibubuh batu sepanjang 48 batu dan yang masih ditembuk dengan tanah sepanjang 48 batu dan yang belum ditembuk 102½ batu.

Sementara itu jalan-jalan kecil yang dibina pada tahun 1982 ialah sepanjang 3¾ batu, 2¼ batu daripadanya telah selesai pembinaan manakala 1½ batu masih dalam proses pembinaan.

Satu projek yang menelan belanja agak besar ialah pembinaan sambungan tembuk tebing Sungai Tutong yang berdekatan dengan Balai Bomba di daerah tersebut. Pembinaan tebing itu untuk 'menegapi' tebing sungai itu, selain dari itu tujuan bagi mencantekkan bandar.

Satu kawasan bagi tapak tamu yang baru juga telah dibina di Kg. Serambangun tidak jauh dari jambatan Sg. Tutong. Menurut Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Salleh bin Haji Mohiddin: "Kawasan tamu lama yang ada sekarang tidak lagi dapat menampung para pengunjung yang semakin ramai yang menyebabkan kesesakan ditamu tersebut. Kemudahan-kemudahan saperti pondok akan didirikan dikawasan itu untuk menggalakkan kaum bumiputera berkecimpung dalam bidang perniagaan." Setelah tamu baru itu siap nanti bekas kawasan tamu lama akan dijadikan tempat letak kereta.

Pantai Seri Kenangan salah satu tempat peranginan yang sering dikunjungi oleh orang ramai. Ianya akan dibisaikan lagi. Penolong Pegawai Daerah Tutong memberitahu, "Sebuah kawasan lapang untuk bermain 'kasut-roda' akan diadakan dikawasan itu." Beliau juga ingin menarek perhatian orang ramai yang berkunjung ke pantai itu supaya akan dapat memelihara dan menggunakan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh Kerajaan, katanya, ada tandas-tandas yang tidak boleh digunakan lagi kerana dirosakkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Oleh itu, tambahnya, Jabatan Daerah terpaksa membuat tandas-tandas baru semata-mata untuk memberi kemudahan kepada orang ramai. Beliau berharap supaya perbuatan "pugut" saperti itu tidak akan diagut lagi.

Memandangkan kepada semakin pesatnya perkembangan di daerah tersebut, Kerajaan akan membina beberapa buah cawangan jabatan-jabatan Kerajaan antaranya Pejabat Kemajuan Kerjasama, Pejabat Pos, Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan Pengangkutan Darat dan Jabatan Kerja Raya. Sementara itu kawasan peranginan di Tasek Merimbun juga akan diubahsuai dan dibisaikan.

Kampung Bukit terletak kira-kira 15 batu dari pekan Tutong terdapat sebuah ladang kopi seluas 100 ekar yang diusahakan oleh seorang anak tempatan, Awang Johnny.

Menurut Awang Johnny

Lihat muka 7





Rumah bagi kediaman Pegawai Daerah Tutong yang sedang dalam proses pembinaannya. (gambar atas)

Sebuah ladang kopi kepunyaan anak tempatan terletak di Kg. Bukit iaitu kira-kira 15 batu dari Pekan Tutong. Sebanyak 60 ekar telah ditanami dengan pokok-pokok kopi, jenis "Libecca" yang didatangkan dari Brazil. (gambar kanan)



Kawasan bagi tapak tamu baru yang terletak di Kg. Serambangun, dimana kira-kira lebih seratus buah pondok-pondok akan didirikan. Perbelanjaan pembinaannya seratus ribu ringgit.



Pantai Seri Kenangan akan dibisaikan lagi dimana satu kawasan lapang akan dibina bagi permainan "kasut-roda".

# Ladang tanaman kopi

Dari muka 6

beliau telah mengusahakan tanaman kopi diladang tersebut sejak tahun 1979, dengan bantuan Jabatan Pertanian terutama sekali benih-benih kopi dan baja yang dibayar separuh harga.

Awang Johnny memberitahu. tujuannya mengusahakan tanaman kopi ialah bagi menampung keperluan-keperluan negeri ini. Katanya lagi, pokok-pokok kopi akan dapat mengeluarkan hasilnya dalam masa 18 bulan dan jika sekiranya 100 ekar rapus ditanami dengan pokok-pokok kopi ianya akan dapat mengeluarkan hasil 10 pikul.

Bagi memasarkan hasil ladang tersebut beliau bercadang akan membeli mesin untuk memproses buah-buah kopi tersebut. Para pekerjanya seramai 9 orang yang terdiri dari anak-anak tempatan dilatih bagaimana mengusahakan tanaman kopi di ladang itu.

Walaupun pembangunan di daerah Tutong tidak sehebat atau serancak pembangunan di Bandar Seri Begawan tetapi ia tetap berkembang secara berperingkat-peringkat dengan memberi banyak kemudahan kepada penghuni-penghuni samada yang diam di Pekan Tutong maupun diluar bandar.



Tandas-tanda 'ala kampung ayer' di-bina di-Pantai Seri Kenangan kerana tandas-tandas yang sedia ada tidak tahan uji disebabkan oleh perbuatan "pugut", oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.



Tembuk tambahan tebing Sungai Tutong yang sedang rancak dalam pembinaannya. Peruntukan bagi projek tersebut menelan belanja sebanyak dua ratus ribu ringgit.



Dua buah rumah bagi pekerja-pekerja buroh yang terletak di Kg. Serambangun dan sebuah maseh dalam pembinaan.

## MAULUD DI TUTONG

# KURANG PENGLIBATAN PUNCA KEMUNDURAN EKONOMI ISLAM

Oleh: Pg. Hidop PHS.
Gambar-gambar: Pg. Yaakup PMH

TUTONG — Kemunduran ekonomi sebilangan besar Umat Islam adalah berpunca dari kurangnya usaha dan penglibatan diri masing-masing dalam bidang perniagaan yang digalakkan oleh ajaran-ajaran Islam.

Oleh itu sempena memperingati Maulud Nabi Muhammad s.a.w., umat Islam di negeri ini telah disarankan supaya menjadikannya sebagai pendorong kearah memperbaharui dan memperteguh azam masing-masing.

Pengawal Kastam dan Eksais, YAM Pengiran Lela Ceteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar menyeru demikian diperhimpunan Maulud Nabi s.a.w bagi Daerah Tutong yang telah berlangsung di Padang Sekolah Melayu Muda Hashim di sini minggu lalu.

Perubahan sikap serta kedudukan keluarga yang terpimpin jelas YAM, adalah merupakan satu jaminan yang paling kuat bagi mengujudkan masyarakat Islam yang teguh dan sedar akan tanggungjawab masing-masing terutama sesudah negeri ini mencapai taraf kemerdekaan penuhnya.

Disamping itu tekad yang lahir dari penghimpunan tersebut adalah juga perlu bagi mendokong pembangunan dan perkembangan melalui keupayaan serta bidang masing-masing saperti mana yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan.

"Kita sedar bahawa negara kita kekurangan tenaga mahir dan professional bagi mengendalikan bidang-bidang kerja yang tertentu. Oleh itu adalah perlu bagi kita memilih jalan yang positif, yang melibatkan aspek-aspek pandangan, pemikiran, sikap dan keyakinan kita," sabda YAM.

Perhimpunan telah disertai oleh lebih daripada 5,000 umat Islam di kawasan Daerah Tutong dan bermula dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang telah disampaikan oleh Awang Junaidi bin Sabtu.

Kemudian diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohd. Salleh bin Haji Mohiddin.

Sebelum sabda YAM, satu syarahan khas mengenai Taubat telah di sampaikan oleh wakil Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Ustaz Haji Besar bin Haji Abu Bakar.

Majlis pada pagi itu telah diakhiri dengan bacaan Marhaban beramai-ramai oleh Imam-Imam Masjid Daerah Tutong, Ahli-Ahli Jawatankuasa, wakil saudara-saudara baru dan sebahagian para hadirin.



Yang Amat Mulia Pengiran Lela Ceteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz ketika bersabda. (atas) Sementara gambar bawah kelihat Yang Amat Mulia diperkena kan kepada ketua-ketu pasukan yang menyertai pe himpunan.







Awang Haji Besar bin Haji Abu Bakar menyampaikan ceramah khas, (atas) Che'gu Zunaidi mempersembahkan bacaan Ayat2 Suci Al-Quran (bawah) sementara gambar kanan ialah persembahan merhaban.



Di Temburong

Liputan: Jahri Latif

# PERKEMBANGAN LAHIRIAH PERLU SELARAS DENGAN ROHANIAH

— Pengiran Laila Kanun



Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pg. Hj. Abbas

PEKAN BANGAR. — Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin menyatakan kesan dari pertumbuhan dan perkembangan ekonomi serta pembangunan negara yang membanggakan dan memberangsangkan dimasa-masa lalu telah membawa kepada kebahagiaan dan kesejahteraan kepada semua lapisan rakyat.



YAM kelihatan diperkenalkan kepada ketua-ketua pasokan yang mengambil bahagian.

Bagaimana pun pembangunan dan perkembangan tersebut belum menjamin kebahagiaan dan kesejahteraan yang sebenar2nya. Ianya, sabda Yang Amat Mulia mungkin suatu cabaran kapada pegangan dan matlamat kita dinegeri ini untok menjadikan Islam sebagai ideologi negara.

Bersabda dihadapan lebeh dua ribu orang umat Islam semasa Perhimpunan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. bertempat di Padang Sekolah Menengah Sultan Hassan di-sini pada pagi Selasa lepas, Peguam Negara menegaskan, sebagai sebuah negara yang berideologikan Islam kita patut menyedari bahawa pembangunan dan perkembangan lahiriah tersebut hendak-lah diselaraskan dengan pembangunan rohaniah.

"Ini amat perlu sekiranya kita benar2 berkehendakkan kapada kebahagiaan dan kesejahteraan yang sejati dan hakiki," jelas Yang Amat Mulia.

Terdahulu daripada itu, Peguam Negara berharap bahawa perhimpunan yang diadakan itu tidak hanya tinggal sebagai perhimpunan sahaja tetapi ianya akan menimbulkan suatu kesedaran kapada seluroh umat Islam terhadap perjuangan2 dan pengorbanan2 yang telah dilakukan oleh Rasulullah demi menegakkan ugama Islam.



Ak. Mohd. Salleh Pg. Kamaluddin.

Yang Amat Mulia juga menyeru umat Islam, khususnya umat Islam dinegeri ini supaya mengambil iktibar dan contoh tauladan daripada sejarah perjuangan junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. andainya umat Islam hari ini inginkan kapada kebahagiaan dan kesejahteraan yang pernah dinekmati oleh umat Islam dizaman Baginda.

Ugama Islam yang di anuti oleh umat Islam di dunia ini, sabda Yang Amat Mulia lagi bukanlah satu ugama yang sudah lapok dan tidak sanggup bertahan dengan zaman moden malah kalau dikaji dan teliti dari setiap segi ianya adalah ugama yang paling sesuai untok jadi pegangan hidup di-semua peringkat masa. Baik dahulu, sekarang dan akan datang, ujar Yang Amat Mulia.

Oleh kerana itu tidak hairan jika bangsa atau umat2 lain mengambil perhatian khusus mengenainya dengan berbuat kajian terhadap ajaran2 dan dasar2 yang terkandong dalam ugama ini.

Mengakhiri sabdanya, Yang Amat Mulia mengajak umat Islam yang telah terlanjur melakukan kesilapan2 dan kesalahan2 dimasa2 lalu supaya bertaubat dan berazam tidak mengulangi lagi perkara2 mungkar yang telah mereka lakukan demi mencapai kebahagiaan dan kesejahteraan pada diri, keluarga dan masyarakat-nya.

## LAMBANG KESATUAN DAN PERPADUAN

Timbalan Pengerusi sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. bagi Daerah Temburong, Ak. Mohd. Salleh bin Pg. Kamaluddin dalam ucapan alu2annya berkata bahawa perhimpunan yang diadakan itu adalah melambangkan kesatuan dan perpaduan umat Islam sebagai mendukong hasrat junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. agar umat Islam jangan berpecah belah tetapi hendaklah bersatu padu.

Unsor perpaduan Islam, kata Ak. Mohd. Salleh lagi, adalah amat menyeluroh dalam kehidupan manusia. Yang mana jika diamalkan, jelas beliau, akan menjadi pendurong kapada kemajuan umatnya untok mencapai cita2 hidup yang murni, untok kemuliaan, keagongan, ketinggian, kekuasaan dan kesentosaan manusia sejagat selurohnya.



Persembahan Marbahan sebelum perarakan.



Pasokan-pasokan mula berarak.

# SEKITAR PERAYAAN MAULU...



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ketika melafazkan titah diperhimpunan Maulud di ibu negeri.

## Kira-kira 14,000 Umat Isla... menyertai perhimpunan ...

SEKALI lagi umat Islam di Brunei dapat bersama-sama saudara saudara kita umat Islam di seluruh dunia merayakan hari kelahiran Junjungan Agung yang kita kasihi Nabi Muhammad s.a.w. yang telah berjaya menyelamatkan manusia sejagat dengan cahaya iman dan sinar Islam yang suci ke seluruh pelusuk dunia.

Sambutan hari yang gilang-gemilang itu telah diadakan serentak seluruh negara pada tanggal 12hb. Rabi'ul Awwal bersamaan 28hb. Disember yang baru lalu dengan mengadakan perhimpunan-himpunan dan perarakan-perarakan besar-besaran, diiringi dengan Selawat dan Salam kapada Rasul Junjungan manusia pilihan yang diredai oleh Allah s.w.t. untuk memimpin umat Islam ke jalan yang benar dan di redaiNya dengan petunjuk Al-Quran dan Hadis.

Perayaan di ibu negeri tahun ini telah di-sertai oleh kira-kira 14,000 umat Islam dalam satu perhimpunan raksaksa yang berlangsung di Padang Sekolah Menengah SMJA. Walaupun perarakan tidak dapat diadakan sebagaimana lazimnya, namun sambutan di-sini adalah dianggap sebagai acara kemuncak, di mana Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan berangkat bercemar Duli dan seterus-nya berkenan mengorniakan titah di majlis yang mulia itu.

Turut berangkat ke majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah serta ... Ceteria.

Turut hadir ... Berhormat Pehin ... Pahlawan Dato ... Abd. Rahman, ... usaha Kerajaan ... Kanan Kerajaa... Jabatan, Ahli-Ahl... Pehin Pehin Me... tetamu khas.

Diantara acara ... ialah bacaan ay... Quran yang telah ... Awang Haji Abd... ucapan alu-aluan ... mat Pehin Orang Ka... Dato Seri Utama ... Zain, Pengetua Pe... Ugama, syarahan ... disampaikan oleh ... Aziz bin Juned, ... Kanan dan ba... beramai-ramai ... pegawai masjid.



Dato Paduka Awang Haji Judin bin Asar diperkenalkan kepada ketua-ketua pasukan yang menyertai perhimpunan di Pekan Muara sebelum peserta-peserta tersebut berarak mengelilingi Pekan Muara. Gambar bawah pula kelihatan wakil-wakil peserta memperdengarkan bacaan marhaban dimajlis pada hati itu.



## Konsep beriman mengharu... kehidupan sehari-hari

MUARA. — Sebagai umat Nabi Muhammad s.a.w adakah sudah memadai dengan hanya menerima dan mengakui serta beriman dengan apa yang dibawa atau disampaikan oleh Junjungan Nabi Besar, sedangkan kita tidak mahu beramal dan mempraktikkan segala suruhan dan laranganNya.

Konsep beriman selain dari mempercayai akan kebenarannya hendaklah disertai juga dengan amal dan perbuatan dan ianya bukan hanya terbatas kepada perkara ibadat sahaja, bahkan meliputi segala urusan kehidupan sehari-hari. Islam juga menghendaki supaya ajaran-ajaran Islam dihayati sepenuhnya dalam semua lapangan kehidupan.

Dato Paduka Awang Haji Judin bin Asar, Jurutulis Majlis Masyuarat Negeri, menegaskan demikian selaku tetamu kehormat bagi pehak YAM Pengiran Indera Mahkota, Pengiran Muda Haji Kamaluddin, Speaker Majlis Masyuarat Negeri, dimajlis sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w yang telah berlangsung di Padang Sekolah Melayu S.U.A.S. Muara pada minggu lepas.

### KONSEP BERIMAN

Tujuan konsep beriman dan beramal, ujar Dato Paduka Awang Haji Judin, adalah semata-mata supaya umat Islam tidak akan menjadi kaum yang lemah dan sentiasa bergantung hidup kepada gulongan yang bukan Islam.

Ini katanya, "adalah berpunca disebabkan kurangnya pimpinan dan bimbingan yang tegas oleh orang-orang Islam sesama mereka sama ada di dunia Islam sendiri dan faktor lain yang menyebabkan kelemahan orang-orang Islam ialah percakaran sesama mereka yang menyebabkan perpecahan umat Islam, maka dengan itu konsep beriman dan beramal tidak mencapai matlamat sepenohnya."

Oleh itu katanya lagi, tidak hairan kalau kita perhatikan pada hari ini, umat-umat Islam begitu jauh ketinggalan dari kaum yang bukan Islam sama ada dari segi perkembangan kemajuan baik dibidang perusahaan maupun ...

Sehingga bahan-bahan ke... makanan dan minuman terpa... bergantung dan mendapatkann... gulungan yang bukan Islam, a... tara orang Islam termakan atau ... barang atau bahan-bahan yang ... Islam. Dalam hal itu tidak siap... salahkan kerana yang jelas umat ... mahu beramal dan berusaha.

### ELAK PERTELINGK...

Dato Paduka Awang Haji ... seluroh umat Islam supaya ... telingkahan sesama sendiri pad... yang remeh sehingga boleh ... pecahan dikalangan umat ... baiknya kita mengubah sikap ... pukan perhatian kearah mem... benar-benar berdiri diatas ... bagaimana halnya umat-umat I... dan para sahabat-sahabat Bag...

Terdahulu dari itu ucapa... disampaikan oleh Pengerusi ... Nabi Muhammad s.a.w bagi ... Yang Dimuliakan Pehin Oran... Seri Rama Dato Seri Lela Jasa A... mad. Ini diikuti oleh ucapan ... Pegawai Hal Ehwal Ugama B... Suhaili bin Haji Mohiddin.

Seramai kira-kira lima ribu ... pun di padang Sekolah Melay... pada hari itu yang terdiri dar... yang mengambil bahagian ... lahiran Junjungan Besar Nabi ... Antara yang hadhir ialah ... Pegawai Hal Ehwal Ugama Br... Awang Haji Yahya bin Haji ... Yang Berhormat dan Pegaw... Kerajaan. Doa selamat telah d... Masjid Setia Ali, Pekan Muara ... Aziz bin Haji Mahmud.

# DI IBU NEGERI





Disamping mengorniakan itah diperhimpunan tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei juga berkenan berangkat untuk bersalam dengan ketua-ketua pasukan yang mengambil bahagian dalam perhimpunan tersebut. (gambar atas)

Turut berangkat keperhimpunan tersebut ialah YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah. Gambar atas kanan kelihatan Yang Teramat Mulia dialu-alukan oleh Ahli-Ahli Jawatankuasa Sambutan.

Gambar kanan kelihatan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Idris, yang menjadi tetamu kehormat dalam perhimpunan Maulud di Kampung Sengkurong ketika melafazkan sabda sementara gambar bawah Yang Amat Mulia dijunjung untuk memereksa pasukan-pasukan yang mengambil bahagian dalam perhimpunan tersebut dan seterusnya diperkenalkan kepada ketua-ketua pasukan.





# 3,500 sertai perhimpunan Maulud di Sengkurong

SENGKURONG. — Kira-kira 3,500 umat Islam telah menyertai perhimpunan dan perarakan Maulud Nabi s.a.w. di Kawasan Brunei Tiga yang berlangsong di Padang Sekolah Melayu Sengkurong pada 28hb. Disember 1982 yang baru lalu.

Tetamu Kehormat di majlis itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib, Pengiran Anak Idris Ibni Al-Marhum Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Muda Abd. Kahar.

Yang Amat Mulia bersabda, bahawa kita sebagai umat Nabi Muhammad s.a.w. amat beruntung dan bersyukur kehadrat Allah s.w.t. kerana dilahirkan dari kalangan umat yang berugama Islam.

Dengan yang demikian, tambah Yang Amat Mulia, Penghayatan Islam itu hendaklah sentiasa kita jaga dan pupuk seberapa daya kita supaya iman yang berharga itu tidak akan hilang dan luntur dari jiwa kita umat Islam.

### HINDARKAN SIFAT LALAI

"Kelalaian setengah manusia memikul tanggungjawab sebagai umat Islam memang tidak dapat kita hindarkan, hanya yang penting, kita mestilah berusaha, berikhtiar menghindarkan sifat lalai dan lupa seberapa daya yang termampu demi mencapai kesejahteraan hidup di-dunia ini," sabda YAM lagi.

Bertepatan dengan tema Maulud pada tahun ini "Taubat Punca Kesejahteraan", Yang Amat Mulia itu menyeru kepada semua umat Islam di majlis itu supaya memperbanyakkan taubat, memohon ampun kepada Allah s.w.t. bagi mencapai taraf orang-orang yang dikasihi oleh Allah serta meninggalkan segala larangan Nya.

"Jika terjebak juga dengan perkara-perkara maksiat zahir dan batin yang tidak dapat dielakkan, maka hendaklah kita umat Islam lekas-lekas kembali kejalan Allah, iaitu bertaubat dengan sebenar-benar taubat. kerana taubat itulah ubat yang membawa rahmat," sabda Yang Amat Mulia.

### CERAMAH KHAS

Terdahulu dari itu, ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. bagi Kawasan Brunei Tiga, Awang Hj Salim bin Haji Besar, Kadhi Daerah Brunei dan Muara. Manakala ceramah khas telah disampaikan oleh wakil Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awg. Hj. Abd Hamid bin Bakal, Kadhi Besar Brunei.

Untok menyerikan majlis itu bacaan Marhaban beramai-ramai juga telah diadakan di-ikuti dengan tetamu Kehormat memeriksa barisan peserta-peserta yang mengambil bahagian.

Seterusnya perarakan dimulakan dan di-kepalai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib, Pengiran Anak Idris bersama-sama dengan Ahli-ahli Jawatankuasa, diikuti kemudiannya oleh pasukan-pasukan yang mengambil bahagian berarak melalui Kampong Pasai, Jalan Mulaut dan kembali ke Padang Sekolah Melayu Sengkurong.

## ... Di Kuala Belait

# 'SALAHGUNAKAN KUASA' BUKAN SIFAT RASULULLAH S.A.W.

Oleh: SHADOON LAMZI
Gambar-Gambar: AK. BAKAR PO




Pasukan Chahaya berarak meninggalkan padang.

**KUALA BELAIT. — Persuruhjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pengiran Haji Rajid menekankan akan perimustahaknya umat Muslimin mencontohi dan menjadikan panduan segala ajaran-ajaran Rasulullah dalam menjalankan kewajipan kita sehari-hari baik terhadap akhirat ataupun keduniaan.**

**Dengan demikian sajalah, jelas Yang Amat Mulia itu lagi, kita dapat menyelamatkan keadaan diri masing-masing.**

**Ketika memberikan gambaran kepimpinan dan keperibadian Rasulullah s.a.w Yang Amat Mulia itu mensifatkan yang Baginda bukan saja merupakan seorang pemimpin agama yang menetapkan akidah dan kepercayaan manusia kepada Allah tetapi adalah juga merupakan seorang pemimpin yang menyusun dan mengepalai suatu pemerintahan yang sempurna, teratur, cekap serta berjaya.**

"Baginda memberikan bimbingan dibidang ekonomi, sosial, pendidekan dan kebudayaan selain dari itu Baginda juga adalah merupakan seorang panglima perang yang menegakkan kedaulatan negara dari ancaman musuh," tegas Yang Amat Mulia itu lagi.

Berucap selaku tetamu kehormat disambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w bagi Daerah Belait bertempat di padang KBRC, Yang Amat Mulia seterusnya mensifatkan Baginda sebagai seorang pemimpin yang mempunyai kecekapan dalam segala bidang, seorang pemimpin yang tabah sehingga tidak pernah mementingkan diri sendiri dan tidak pula menyalahgunakan kuasa yang diamanahkan.

Sifat penyayang terhadap pengikut Baginda, tambah YAM lagi, telah juga memaut pengikut-pengikutnya dan rasa cinta kapada umat Baginda itu bukan hanya dalam angan-angan dan kata-kata, tetapi ditunjukkan dengan perbuatan.

"Contoh demikianlah yang patut ditauladani kerana kalau kita praktikkan segala yang dibawa Baginda itu tentulah Umat Islam akan tetap berjaya bukan saja dalam kehidupan mereka sehari-hari dalam menjalankan perintah agama bahkan akan berjaya menjadi contoh tauladan kepada masyarakat antarabangsa pada masa ini, yang mana akan meninggikan kedudokan mereka sebagai penganut agama yang besar," tambah YAM.

Perarakan pada pagi Selasa itu telah disertai oleh 59 buah pasukan yang terdiri daripada jabatan-jabatan Kerajaan, kampung-kampung, sekolah-sekolah, kelas-kelas dewasa, dan pertubuhan-pertubuhan. Seramai lebih daripada 4,000 orang turut mengambil bahag
dalam perarakan men
ingi Pekan Belait itu y
dikepalai oleh Yang A
Mulia sendiri.

Turut hadir
masuklah Yang B
bahagia Pegawai Da
Belait, Penulong Pega
Daerah serta pegaw
pegawai kanan Keraj
di daerah itu. Syara
agama telah disampai
oleh Ustaz Haji Mu
Amin bin YB PDPD
Abdul Rahim, Pega
Ugama Kanan Jabatan
Ehwal Ugama.



YAM Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya ketika bersabda.



Hujan yang turun pagi itu tidak melembutkan semangat mereka untuk terus berarak memuji kebesaran Rasulullah.

# intisari RTB minggu ini

## Rancangan dari Pendengar Untuk Pendengar

Dari Pendengar Untuk Pendengar, sebuah rancangan baru terbitan Awang Hasnan Suhaili akan dapat di ikuti melalui siaran Radio Brunei pada tiap-tiap hari Isnin jam 1.30 petang.

Mengisikan rancangan ini untok keluaran pertama ialah Awang Maslan bin Daud yang beralamat No. 88, Kg. Burong Pingai Air, Bandar Seri Begawan Brunei, yang mana rancangan ini telah di siarkan pada 3hb. Januari, 1983.

Sementara itu para pendengar akan dapat mengikuti pilehan dari Dayang Junaidah Haji Abd. Hamid yang beralamat No. 6, Kampong Panca Delima Berakas, Brunei pada 10hb. Januari, 1983, dan ulangannya pada 12hb. Januari, 1983 jam 7.00 malam.



Dayang Junaidah Haji Abdul Hamid



Awang Maslan Daud

## Radio minggu ini:

# RADIO DALAM LIPATAN 82

ANDAINYA hati nurani radio ingin mengucapkan selamat jalan kepada tahun masehi 1982 apakah satu-satunya tanda mata kenangan hati yang ada dibawa pergi dalam lipatan tahun 1982 itu. Selayang pandang tidak apa-apa yang istimewa. Radio 'berkukok' saperti biasa saja dari subuh hingga kelarut malam dengan anika musik, drama, ayat-ayat Al-Quran, azan, nasyid dan hadis dan pada waktu-waktunya menyiarkan berita-berita politik, sosial dan ekonomi antarabangsa meliputi projek-projek kemajuan negara sendiri. Dalam peristiwa dunia, radio menyiarkan dukalara anak-anak Pelastin yang dihalau dan disembelih di Lebnon. Radio juga menyiarkan berita ramai orang yang mati kerana tak makan, di samping ramai pula orang-orang kaya yang mati kerana terlalu banyak makan, yang di istilahkan secara hormat mati kerana diserang penyakit jantong. Radio juga menyiarkan kemajuan-kemajuan sains dan pakar-pakar sains yang diberi penghormatan kerja kejayaan mereka di lapangan itu dan megahlah orang-orang yang maju di lapangan sains dan teknoloji ini tanpa memikirkan berapa ramai pula orang-orang yang mati kerana kemajuan sains ini, umpamanya kemalangan jalan raya makin bertambah, mangsa-mangsa kemalangan udara makin meningkat, mangsa-mangsa perang dibunuh dengan senjata-senjata termoden hasil kemajuan sains dan teknoloji malah anak-anak dalam kandungan entah berapa juta yang tidak diberi kesempatan melihat dunia, mereka digugurkan dengan pil-pil kemajuan sains dan teknologi. Semua ini disiarkan oleh radio.

Sebenarnya terlalu banyak yang harus menjadi kenangan oleh radio bila tahun 1982 pergi meninggalkan studio radio Brunei itu. Soal yang lebih hampir kepada kehidupan kita sehari-hari ialah apakah radio itu sudah berjaya meniupkan hasrat pemimpin-pemimpin negara kita agar rakyat dan penduduk negara kita ini sudah benar-benar bersikap jujur, amanah dan bekerja kerana Allah? Jika belum berjaya atau cuma baru separuh berjaya maka radio tidak akan dapat mengendurkan kegiatannya kearah memperlengkapkan rakyat dan penduduk negeri ini dengan moral dan akhlak yang di chita-chitakan oleh pemimpin-pemimpin kita itu. Radio harus mencari usaha dan taktik baru agar cita-cita negara itu sampai berjaya mengetok pintu hati setiap bangsa kita.

Barangkali ada satu peristiwa dalam tahun 1982 itu yang membawa erti paling istimewa bagi Radio Brunei iaitu peristiwa sambutan Jubli Perak menandakan genapnya usia radio dua puluh lima tahun. Kalau di ibaratkan seorang pendekar, ia sudah boleh diharapkan untok memagar kampong. Jika di ibaratkan sebatang pohon, ia sudah boleh diharapkan sebagai dahan tempat bergantong. Tetapi kita tidak cenderong untok mengangkat bakul sendiri, kerana itu biarlah para pendengar menjadi hakimnya. Burok kata pendengar hitamlah wajah kami, andainya bisai kata mereka berserilah wajah-wajah anak radio ini. Cuma yang menjadi pertimbangan penting bagi orang radio ini ialah bahawa di hadapannya sudah terbentang sebuah padang perjuangan, padang merdeka yang minta di isi sesuai dengan satu bangsa yang merdeka dan berdaulat di luar di dalam. Dan peranannya sungguh berlainan dari 25 tahun yang sudah berlalu ini.

Pada tahun 1982 kita dapat melihat berapa banyak 'bintang-bintang' yang bersinar malap ditelan zaman namun tiap sesuatu yang asli tetapi tahan di uji zaman, tidak lekang ia oleh panas tidak lapok ia oleh hujan. Itulah irama diangdangan bersama keluarganya asli Brunei yang terus berkumandang segar melalui radio. Seruan azan yang semakin menusuk hati setiap Muslimin. Zikir dan Marhaban yang maseh berkumandang menghiasi kampong halaman orang Brunei. Budi bahasa dan budi bicara yang tetap di pandang mulia sebagai hiasan peribadi bangsa kita sejak turun temurun. Semua ini dirakam oleh radio pada tahun yang berlalu walau pun studio-studio radio kita berserabut dengan segala macam alat-alat letronik hasil kemajuan sains dan teknoloji. Semua ini tergulung dalam lipatan tahun yang baru pergi meninggalkan kita semua.



**Sebuah lagi rancangan baru akan menemui para pendengar awal bulan Januari 1983 ini. Rancangan ini akan cuba diisikan dengan bahan-bahan yang berunsurkan pendidikan yang khusus dihasratkan bagi pengetahuan para pelajar. Rancangan ini akan cuba dimuatkan dengan perkara-perkara yang berhubung rapat dengan bidang pelajaran semasa.**

**Seperti dalam gambar kelihatan rancangan Mingguan Pelajar ketika membuat tinjauan dengan Pegawai Penyelaras Kanan Majlis Pelajaran Brunei Awang Haji Ibrahim Haji Md. Said.**

**Rancangan ini akan menemui para pendengar dalam bulan Januari ini dan diterbitkan oleh Haji Abd. Manap Haji Adam.**

## Rancangan TVP dari 10hb. — 16hb. Jan.

### ISNIN — 10HB JANUARI

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 778.
Rancangan hari ini dimuati dengan aktibiti-aktibiti seperti MAIN BANG, TUNJUK BENDA, SI MANIS, HALAMAN MINUM, BERSENAM dan CERMIN SAKTI.

### SELASA — 11HB JANUARI

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 779.
Dalam rancangan ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktibiti-aktibiti seperti BELUN SI MANIS, YANG MANA GANJIL, HALAMAN MINUM, MAIN BAKUL, PETI SURAT dan CERMIN SAKTI.

### RABU — 12HB JANUARI

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 780.
Rancangan hari ini dimuati dengan aktibiti-aktibiti seperti MAIN BAKUL, GAMBAR DAN SEBUTAN, HALAMAN MINUM, PAPAN HIKMAT, BELUN SI MANIS dan CERMIN SAKTI.

### KHAMIS — 13HB JANUARI

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 781
Dalam rancangan ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktibiti-aktibiti seperti BOLA TUMBUK, MAIN KIM, HALAMAN MINUM, AMIN, HALAMAN MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

### JUMAAT — 14HB JANUARI

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG
Rancangan hari ini dimuati dengan aktibiti-aktibiti seperti MAIN BAKUL, TUNJUK BENDA, SI MANIS, MAIN BAKUL, PAPAN HIKMAT dan CERMIN SAKTI.

### SABTU — 15HB JANUARI

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 782
Rancangan kali ini dimuati dengan aktibiti-aktibiti seperti PAK LONG, TEKA BENDA, HALAMAN MINUM, MAIN BOLA, DI MANA TEMPATNYA dan CERMIN SAKTI.

### AHAD — 16HB JANUARI

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG
Dalam rancangan kali ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktibiti-aktibiti seperti KETUA KESELAMATAN, GAMBAR DARI RUMAH, SI AMINAH, BOLA TUMBUK, HALAMAN MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

## Sandiwara minggu ini: 'Pulang dgn kejayaan'

DALAM Sandiwara Radio Minggu Ini, para peminat rancangan ini akan dapat mengikuti tentang perasaan seorang ibu yang seboleh-bolehnya ingin melaksanakan amanat yang di tinggalkan oleh arwah suaminya. Ini dilahirkan melalui skrip yang berjodol PULANG DENGAN KEJAYAAN tulisan Fatimah H.S. Brunei.

Ibu yang hanya mempunyai seorang anak itu sangat mengharapkan agar anaknya Nora dapat meneruskan pelajarannya hingga keperingkat universiti, sebagaimana yang di cita-citakan oleh arwah suaminya.

Tetapi sebaleknya Nora ingin cepat-cepat berbakti kepada ibunya dengan cara mencari pekerjaan yang tetap untuk menampung kehidupan mereka. Walau bagaimanapun Nora tidak dapat menentang hasrat ibunya itu dan akhirnya ia melanjutkan pengajiannya keperingkat yang lebih tinggi di seberang laut.

Ibu Nora penoh percaya yang Nora akan dapat mencapai apa yang di cita-citakan oleh arwah suaminya, ayah Nora. Do'a restunya tetap mengiringi pemergian Nora.

Sepanjang pemergian Nora, hanya Tipah sepupu Nora saja yang selalu menjengok ibunya. Tambahan lagi kesihatannya selalu saja terganggu. Walaupun dalam keadaannya begitu, dia tidak mahu Nora mengetahui tentang hal itu, kerana kuatir pelajaran Nora akan terbengkalai di tengah jalan.

Akan berjayakah Nora di dalam pengajiannya? Sempatkah ibu Nora menyambut kepulangannya? Untuk mengetahuinya, para pendengar dipersilakan mengikuti siarannya pada 9hb. Januari, 1983 jam 10.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Dayang Aya Hj. Abd. Hamid.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## HARI RABU 5HB JANUARI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 GREAT SPACE COASTER
5.30 THE NEW ADVENTURES OF SUPERMAN
6.00 BERITA AWAL
6.05 DIFFERENT STROKES
6.27 AZAN MAGHRIB
6.37 OUR INCREDIBLE WORLD

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CASSIE AND COMPANY : "Man Overboard"
7.40 AZAN ISHA
7.45 CASSIE AND CO. — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH MAULUD
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 PRIVATE BENJAMIN "Man On The Floor" Pvt. Benjamin dan Pvt. Gianelli cuba menemukan Pvt. Hubble dengan teman lelakinya di belakang pengetahuan Captain Lewis.
9.45 MAGNUM: "Try To Remember"
10.35 TAYANGAN GAMBAR : "The Last Run" (Suspens/Drama) Pelakun-pelakun: George C. Scott. Tony Musante, Trish Van Devere, Colleen Dewhurst, d.l.l.
12.05 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 6HB JANUARI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 FLINTSTONE FROLICS
6.29 AZAN MAGHRIB
6.39 WILD KINGDOM "Predators of The Mara"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 PETROCELLI : "Too Many Alibis" Semua yang tertudoh ada daleh (alibi) menunjokkan mereka tidak ada di tempat berlakunya satu pembunuhan — kecuali seorang doktor yang langsung tidak ada dalih sama sekali.
7.42 AZAN ISHA
7.47 PETROCELLI — Sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH MAULUD
8.45 ACARA KEMUNCAK MAULUD SELUROH NEGERI
9.45 DUNIA MINGGU INI
10.15 BOSOM BUDDIES "On The Road To Monte Carlo" Setelah satu kemalangan yang hampir mencabut nyawa mereka, Kip dan Henry pergi ke Monte Carlo untuk menghibur diri dengan sepenuhnya.
10.45 ENIGMA FILES "Gun Powder Plot"
11.35 THAT'S HOLLYWOOD
12.05 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 7HB JANUARI

TENGAHARI

12.00 LAGU KEBANGSAAN
12.02 KORAN DAN MARI KITA BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 SELINGAN
12.30 SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
1,20 APA NYA KITANI (Ulasgan)

PETANG

2.05 HAPPY GO ROUND
3.30 WILD LIFE ON ONE "At Home With Badgers"
3.52 AZAN ASAR
3.56 WILDLIFE ON ONE — Sambongan
4.00 MAGIC STAR TRAVELER
4.25 KAP KAP UDANG
4.55 GEOGRAPHY TODAY
5.35 LAVERNE AND SHIRLEY "Bigfoot"
6.00 BERITA AWAL
6.05 YOU ASKED FOR IT
6.29 AZAN MAGHRIB
6.39 SECRET VALLEY "The Great Mini Bike Race"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 EIGHT IS ENOUGH : "If The Glass Slipper Fits" Nancy di tawarkan kerja sebagai seorang pragawati yang menghendakinya ber"topless". Dia bertanya pendapat keluarganya. Mereka menyatakan itu terpulanglah kepada keputusannya sendiri.
7.42 AZAN ISHA
7.47 EIGHT IS ENOUGH — Sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH MAULUD
8.45 SEKALUNG SENI
9.15 KNOTS LANDING : "Letting Go"
10.05 TERRY AND JUNE
10.35 ON THE MAT
11.05 STRIKE FORCE
11.55 POP IN GERMANY
12.25 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 8HB JANUARI

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 THE FANTASTIC FOUR
6.29 AZAN MAGHRIB
6.39 WORLD OF BIRDS

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BARBERA MANDRELL AND MANDRELL SISTERS (Siri Baru)
7.42 AZAN ISHA
7.47 BARBERA MANDRELL AND MANDRELL SISTERS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH MAULUD
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 MARI MEMASAK
9.45 TAYANGAN FILEM INDONESIA: "Badai Pasti Berlalu"
11.15 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "Deadline"
12.45 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 9HB JANUARI

PETANG

2.00 PEMBUKAAN
2.02 KORAN DAN MARI KITA BERDOA
2.13 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 KIMBA THE WHITE LION "Diamond In The Graft"
2.45 THE NEW POPEYE SHOW
3.10 BIG LEAGUE SOCCER



Beginilah banyaknya pos kad dan surat-surat yang dianggarkan lebih dari 3500 keping di terima pada tiap-tiap minggu oleh rancangan YOU ASKED FOR IT di ibu pejabatnya di Hollywood. Rancangan ini disiarkan oleh RTB pada tiap-tiap hari Jumaat jam 6.05 petang.

3.52 AZAN ASAR
3.57 BIG LEAGUE SOCCER — sambongan
4.00 SCRUFFY
4.25 KAP KAP UDANG
4.55 MEDICAL REPORT
5.10 ON SAFARI
5.40 TARGET THE IMPOSSIBLE : "To Make Kids Love School" Bagaimana membuat kanak-kanak sukakan sekolah. Mencukupikah dengan sebuah bilik darjah seluas 280 ekar?
6.00 BERITA AWAL
6.05 THE BRADY KIDS : "Long Gone Silver"
6.29 AZAN MAGHRIB
6.39 ANGIE: "Uncle Cheech"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE LOVE BOAT
7.42 AZAN ISHA
7.47 THE LOVE BOAT — Sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH MAULUD
8.45 APA NYA KITANI
9.15 MIND YOUR LANGUAGE
9.45 SHOGUN INHERITANCE
10.35 WILD TIME
11.25 TALES OF THE UNEXPECTED "Kindly Dig Your Grave"
11.55 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 10HB JANUARI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 BALDMONEY, SNEEZEWORT, DODDER AND CLOUDBERRY :
5.15 SUPERFRIENDS "Weathermaker"
6.00 BERITA AWAL
6.05 THAT'S INCREDIBLE
6.29 AZAN MAGHRIB
6.39 THAT'S INCREDIBLE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE POWERS OF MATHEW STARR
7.42 AZAN ISHA
7.47 THE POWER OF MATTHEW STARR — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH MAULUD
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 SCRUPLES
10.15 THE BODY IN QUESTION : "Balancing Act" Badan tuboh manusia sebagai satu kompleks sistem kawalan mekanisme yang boleh menstabilkan segala sesuatu pada setiap ketika yang tertentu.
11.05 HOUSE CALLS: "The Magnificient Weatherbys"
11.35 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 11HB JANUARI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE PRINCE AND THE PAUPER (Siri Terakhir)
5.30 HANS CHRISTIAN ANDERSEN ANIMATION
6.00 BERITA AWAL
6.05 UNDER THE SEA WORLD
6.31 AZAN MAGHRIB
6.41 UNDER THE SEA WORLD — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FALL GUY : "The Adventures of Ozzie and Harold" Seorang penghuni jalan raya menyaksikan satu pembunuhan yang di sangkanya di lakukan oleh dua orang polis telah lari membawa diri untuk menyelamatkan nyawanya sehingga mendapat pertolongan dari Colt dan Howie.
7.43 AZAN ISHA
7.48 THE FALL GUY — Sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH MAULUD
8.45 ARENA SOKAN
9.30 DYNASTY
10.30 TAYANGAN GAMBAR : "Man About The House" (Comedy) Seorang penuntut lelaki dan dua orang penuntut wanita bersubahat dengan isteri tuan rumah tempat kediaman mereka supaya suaminya tidak menjual rumah itu kepada sebuah syarikat pengusaha. Pelakun-pelakun: Richard O'Sullivan, Paul Wilcox, Sally Thomsett, Brian Murphy. Yootna Joyce, d.l.l.
12.00 SIARAN TAMAT.

# ranchangan2 RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam sa-tiap hari.

SIARAN F. M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

PAGI:

| | |
|---|---|
| 6.00–6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Sinaran Wahyu |
| 6.15 | Dendang Suria |
| 6.45 | Berita |
| 6.50 | Dendang Suria |
| 7.05 | Panduan Sokan |

TENGAHARI

| | |
|---|---|
| 12.00–12.45 | Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu stereo) |
| 1.00 | Majallah Radio siaran asal dan ulangan (kechuali hari Khamis) |

PETANG

| | |
|---|---|
| 6.00 | Siri Mukkaddam Bingkisan Hari Ini Siaran langsong menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib. |

MALAM

| | |
|---|---|
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.24 | Do'a Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan |

## WARTA BERITA:

| | |
|---|---|
| 6.45 pagi | (Berita2 dalam dan luar negeri) |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengahari | |
| 1.30 tengahari | (tiap-tiap hari Jumaat) |
| 3.00 petang | |
| 5.30 petang | |
| 8.00 malam | |
| 8.15 malam | (Berita2 dalam Bahasa Dusun dan Iban) |
| 9.30 malam | Berita Dunia dari BBC London. |

**Menyiarkan AZAN:**
Dzohor
Asar
Maghrib
Isha.

## HARI RABU 5HB JANUARI

**PAGI:** 7.05 — Panduan Sukan, 8.30 — Majallah Radio (SU), 9.00 — Suara Gambus/Irama Dakwah, 9.30 — Dunia Wanita, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 Tafsir Al Quran, 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).
**T/HARI:** 12.00 — Lagu-Lagu Dakwah, 12.15 — Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat, 1.15 — Lagu-Lagu Nashid, 1.45 — Lagu-Lagu Instrumental Melayu.
**PETANG:** 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Gema Keroncong/Pusparama, 3.15 — Panduan Sukan, 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Hiburan, 4.15 — Dailog Semasa (SU), 4.30 — Permintaan Jiran Tetangga, 5.00 — Suntingan Kutbah Jumaat, 5.15 — Senandung Lagu-Lagu Lama, 5.45 — Sayu Dan Merdu, 6.50 — Bingkisan Hari Ini (SU),
**MALAM:** 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 7.30 — Majalah Radio, 8.30 — Pilihan Pendengar, 9.00 — Soal Jawab Ugama/Majalah Ugama (SU), 9.45 — Mari Berpantun (SU).

## HARI KHAMIS 6HB JANUARI

**PAGI:** 7.05 — Panduan Sukan, 7.30 — Ceramah Maulud, 8.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.00 — Riang Ria, 9.15 — Soalan Di Udara (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampai Sari, 11.30 — Hiburan Untuk Adek-Adek.
**T/HARI:** 1.30 — Lagu-Lagu Dari Filem, 1.45 — Dailug Semasa.
**PETANG:** 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 3.15 — Hiburan, 3.30 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Senandung Budaya (SU), 4.15 — Selingan, 4.30 — Mutiara Asli, 5.00 — Untuk Awda, 5.45 — Rangkaian Lama Dan Baru, 6.50 Bingkisan Hari Ini.
**MALAM:** 7.00 — Surat Dari London, 7.15 — Selingan Irama, 7.30 — Majalah Radio, 8.30 — Citra Irama (SU), 9.00 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.45 — Fokas Radio.

## HARI JUMAAT 7HB JANUARI

**PAGI:** 7.05 — Panduan Sukan, 7.15 — Sudut Pelita, 7.30 — Ceramah Maulud, 8.30 — Taman Mekar (SU), 9.00 — Dendang Antara Bangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 Lembaran Dari Awda, 11.30 — Dendang Zaleha Hamid.
**T/HARI:** 1.30 — Hiburan Paduan Suara
**PETANG:** 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Citra Irama, 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Berbalas Pantun (SU), 4.00 — Serbanika Persembahan (SU), 4.30 — Bangsawan Di Udara (Kelana Indera siri ke-2), 5.00 — Untuk Awda, 5.45 — Senandung Senja, 6.50 — Bingkisan Hari Ini.
**MALAM:** 7.00—Belia Mewakili Zamannya, 7.30 — Majalah Radio, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.00 — Menyusur Pendalaman (SU), 9.45 — Mingguan Pelajar (SU).

## HARI SABTU 8HB JANUARI

**PAGI:** 7.05 — Panduan Sukan, 7.30 — Ceramah Maulud, 8.30 — Pertanian, 9.00 — Dendang Antara Bangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Hiburan Untuk Adek-adek (SU), 11.00 — Permintaan Sukaramai.
**T/HARI:** 1.30 — Puspasari/Keroncong,
**PETANG:** 2.00 — Citrawara (SU), 2.30 — Tetamu Radio (SU), 3.15 — Hiburan Petang 3.30 — Majalah Ugama/Soal Jawab Ugama, 4.00 — Irama Gambus/Asli, 4.15 — Sandiwara Radio (SU), 4.45 — Senandung Budaya, 5.00 — Untuk Awda (Hidangan Lagu Dakwah), 5.45 — Lagu-Lagu Nasihat, 6.50 — Bingkisan Hari Ini.
**MALAM:** 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 7.15 — Selingan Irama, 7.30 — Majalah Radio, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Tafsir Al-Quran, 9.45 — Permintaan Sukaramai.

## HARI AHAD 9HB JANUARI

**PAGI:** 7.05 — Panduan Sukan, 7.30 — Ceramah Maulud, 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Pilihan Juruhebah, 10.30 — Sandiwara Radio, 11.00 — Kugiran Tanah Ayer, 11.30 — Berbalas Pantun.
**T/HARI:** 12.00 — Tahniah Dan Ucap Selamat, 1.00 — Permintaan Hari Minggu,
**PETANG:** 2.00 — Serbanika Hiburan, Majalah Sukan, 4.00 — Senandung Pujaan 2.30 — Pesta Pop Minggu Ini, 3.15 — Panduan Sokan, 3.20 — Irama Gembira, 3.30 — Lama, 4.30 — Citra Wara, 5.00 Tetamu Radio, 5.45 — Hiburan Senja, 6.50 — Bingkisan Hari Ini.
**MALAM:** 7.00 — Seni Dan Sastera, 7.30 — Majalah Radio, 8.30 — Suara Parajurit, 9.00 — Keroncong/Puspasari (SU), 9.45 — Di Buang Sayang (Permintaan Lagu-Lagu Lama).

## HARI ISNIN 10HB JANUARI

**PAGI:** 7.05 — Panduan Sukan, 8.30 — Menyusur Pendalaman, 9.00 — Wanita Dan Lagu, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Dengan Ku 10.30 — Permintaan Sukaramai, 11.30 — Pertanian.
**T/HARI:** 1.30 — Dari Pendengar Untok Pendengar.
**PETANG:** 2.00 — Lukisan Masyarakat (SU), 2.30 — Mari Berpantun (SU), 3.15 — Pilihan Juruhebah, 3.30 — Mingguan Pelajar, 4.00 — Dendang Remaja, 4.30 — Ruangan Ketani. 4.45 — Rampaian Joget, 5.00 — Belia Mewakili Zamannya, 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Lagu-Lagu Rampaian, 6.50 — Bingkisan Hari Ini.
**MALAM:** 7.00 — Majalah Sukan (SU), 7.30 — Majalah Radio, 8.30 — Sains Dan Perusahaan, 9.00 — Lagu-Lagu Keroncong, 9.45 — Ku Tujukan Lagu.

## HARI SELASA 11HB JANUARI

**PAGI:** 7.05 — Panduan Sukan, 8.30 — Suara Perajurit (SU), 9.00 — Dendang Antara Bangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-Lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Rampaian London, 10.45 — Lagu-Lagu Permintaan Kaum Wanita, 11.15 — Dari Lambaran Awda, 11.30 — Senandong Seloka.
**T/HARI:** 1.30 — Senandong Pujaan Lama (SU).
**PETANG:** 2.00 — Ku Sampaikan Salam, 3.15 — Gema Silam, 3.30 — Fokas Radi (SU), 4.00 — Gema Keroncong/Pusparama, 4.30 — Seni Dan Sastera (SU), 4.45 — Lagu-Lagu Irama Zapin, 5.00 — Varia Peristiwa, 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Hiburan Senja, 6.50 — Bingkisan Hari Ini.
**MALAM:** 7.00 — Ruangan Ketani (SU), 7.15 — Selingan Irama, 7.30 — Majalah Radio, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.00 — Kugiran Tanah Air (SU), 9.45 — Rampaian London.

## RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### EVENING

### Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

**P.M.**

8.00-9.30 Classical music night With Rory Higgins

### Thursday

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | Hello Tomorrow |
| 8.45 | Stereo Pop Special: "The Squeeze" Side 2 |
| 9.30 | Country Club — 22 |

### Friday

**A.M.**

| | |
|---|---|
| 11.00 | A Feature: Travelling Hopefully, 'The Railway Travellers Handy Book' |
| 11.30 | Children's half hour |

**NOON**

| | |
|---|---|
| 12.00 | Yesterday Once More |

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 12.45 | Neil Richardson Presents — 1/12 |
| 1.45 | Book Club: Turtle Diary by Rusell Hoben — 6/10 |

### New Year's Eve

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.45 | Short Story: The Prince Is In the Audience |
| 9.00 | 15 Minutes Instrumental |
| 9.30 | Announcers' Special (repeat) |
| 10.15 | Brunei 82 |
| 10.45 | Jim Reeves and His Music — 5 |
| 11.45 | Ringing In The New Year |
| 12.30 | M/night Close Down. |

edition)

### Saturday, 1st January 1983

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | Hits In Germany |
| 8.45 | Animal, Vegetable or Mineral — 19/30 |
| 9.30 | Top of The Pops — 944 |

### Sunday

**A.M.**

| | |
|---|---|
| 11.00 | Practical World |
| 11.15 | This Is My Song |
| 11.45 | London This Week |

**NOON**

| | |
|---|---|
| 12.00 | Animal, Vegetable or Mineral 19 (repeat) |

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 12.45 | Review of the Week |
| 1.00 | Top of The Pops — 944 (repeat) |
| 1.30 | Close Down. |

STUDENT NIGHT

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | Do You Know . . . ? (Science Made Easy) 'Television'. |
| 8.15 | Beautiful Music — 6/48 |
| 8.30 | English Examined |
| 8.45 | BBC Science Magazine |
| 9.30 | Drama: The Hornblower Story: 'Lieutenant Hornblower "Court of Enquiry" by C.S. Forester adapted for radio by Gielgud — 4/15 |

### Monday

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | This Is My Song (repeat) |
| 8.45 | Up The Belait River Without A Paddle — 78 with guest this week's Kevin Reardon |
| 9.30 | All That Jazz — 28. |

### Tuesday

JA'AFAR'S POP MUSIC NIGHT

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | Just For You |
| 9.30 | In Sentimental Mood — 23 |

### Daily

**A.M.**

| | |
|---|---|
| 6.32 | Kor'an and It's translation |
| 6.40 | Brunei's Am |
| 7.00 | BBC and Local News |
| 7.15 | Brunei's A.M. |
| 11.00 | Ladies At Eleven — except Fridays and Sundays |
| 12.00 | Lunch Break — except Fridays and Sundays |
| 12.30 | News and weather report — and time-table of tides. |

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.30 | Radio Newsreel (except Sundays) |
| 9.15 | News |

# SEKITAR SUKAN BOLASEPAK

Oleh: Manaf Rahman

## Bolasepak 7 sepasukan

PASUKAN Tamoi Ujong telah berjaya menjadi juara dalam perlawanan bolasepak tujoh orang sepasukan yang di-anjurkan oleh Kelab Bolasepak Kampung Pengiran Kerma Indera Lama.

Mereka telah mengalahkan Bentara dari Kg. Pengiran Tajudin Hitam dalam perlawanan akhir dengan jaringan 3 — 2 melalui tendangan penalti setelah kedua-dua pasukan seri hingga masa tambahan.

Perlawanan ini terbuka bagi penduduk-penduduk di Mukim Tamoi bagi merebut piala sumbangan Pengarah Haji Metussin bin Haji Abdullah, Penghulu Mukim Tamoi dan tropi sumbangan dari Ketua Kampung Pengiran Kerma Indera Lama, Pg. Mahmud bin Pg. Maidin.

Naib juara menerima tropi dari ketua kampung Tamoi Ujong, Awang Mokti bin Salleh, ketiga dari Awang Md. Noor bin Md. Yusof, ketua kampung Ujong Bukit, dan tempat keempat dari ketua kampung Pengiran Tajuddin Hitam, Awang Abd. Rahman bin Kalong.

Hadiah kapada pasukan yang menang telah disampaikan oleh ketua kampung Bendahara Lama, YAM Pg. Anak Metassan bin Pg. Sabtu Kamaluddin.

## Liga Jabatan2

LIGA bolasepak antara jabatan-jabatan Kerajaan di Daerah Belait akan menemukan Jabatan Letrik dengan Gabungan Penerangan, Bandaran dan Pos dalam pertandingan akhir pada 9hb. Disember ini.

Kedua-dua pasukan berjaya memasuki peringkat akhir setelah masing-masing berjaya mengalahkan pasukan lawan di separuh akhir.

Jabatan Letrik membelasah Jabatan Pelajaran dengan jaringan 5 — 0 manakala Gabungan Penerangan, Bandaran dan Pos mengalahkan Jabatan Perubatan dipusingan yang sama dengan tiga berbalas satu gol.

## Piala Perkasa

PASUKAN Lurong Sikuna B akan bertemu dengan Abstekal (Lumapas) dalam pertandingan akhir bolasepak bagi penduduk-penduduk Kampung Ayer.

Perlawanan yang dianjurkan oleh Persatuan Perkasa itu adalah bagi merebut 'Piala Perkasa' yang disumbangkan oleh Awang Haji Sulaiman bin Haji Jalil dan adalah kali ketiga ia di adakan.

Sebanyak 26 buah pasukan telah mengambil bahagian. Pertandingan akhir akan berlangsung di Padang SMJA pada hari Ahad, 9hb. Disember bermula jam 4.00 petang.

*Bolasepak Piala Malaysia*

### Menentang Pahang di tempat sendiri

# BRUNEI HARUS MENANG!

## Dari tiga pertemuan lepas, Pahang gagal meraih mata penuh dari Brunei!

KESEBELASAN kebangsaan Brunei terpaksa turun bermati-matian untuk meraih dua mata penuh apabila membuka tirai perlawanan menentang Pahang pada hari Jumaat ini di Kompleks Sukan JKR.

Kemenangan bererti penyelamat dan semangat bagi Brunei yang seharusnya merebut peluang bermain di tempat sendiri dengan sukongan moral dari peminat-peminat tempatan.

Meskipun begitu Pahang juga mempunyai matlamat sendiri ingin memperbaiki rekod pertemuan dengan Brunei dengan tiga pertemuan sebelum ini mereka belum mampu menewaskan Brunei.

Setelah hampir tiga minggu menjalani latihan, inilah kali pertama kekuatan skuad kebangsaan akan teruji. Sebelum ini tidak ada peluang untuk mengadakan perlawanan yang benar-benar mencabar bagi mengukor sejauh mana sudah pencapaiannya.

Walaupun demikian tidak dapat di sangkal tunggak kekuatan pasukan ini terletak



**Awang Hj. Idris ... Jurulatih skuad Brunei**

di bahagian midfield yang di pelupori oleh Morni, Ahmad, Shari dan Zainuddin.

Barisan pertahanan juga tidak lagi dipertikaikan, cukop kukoh dan padu yang memang lumrah di ketuai oleh Pg. Tajuddin, Jafari Samad, Yusof Rashid dan Ahmad Hj. Mohin.

Manakala Ali Haji Ismail akan menjadi benteng terakhir dan penentu bagi menghasilkan kemenangan pasukan kebangsaan.

Di barisan depan masih tidak begitu memberangsangkan dan dari tinjuan perlawanan yang diadakan ketara ketajaman serangan belum begitu bisa sengatnya.

Majidi Ghani yang diberi tugas utama kelihatan belum dapat memberikan sumbangan yang sewajarnya kerana belum sembuh dari tegang otot peha dan diharapkan menjelang pertemuan ini Majidi akan sembuh sepenuhnya.

Disamping Majidi, Jaafar Sulong, Hamid Hj. Jaafar dan Razak Yahya akan berebut tempat untuk berganding tenaga menjadi penggempur barisan pertahanan Pahang nanti.

Jurulatih kebangsaan, Awang Haji Idris menyedari hakikat kesuntokan masa untuk menyusun taktik serangan yang berkesan. Tapi keazaman dan semangat wira-wira Brunei dengan sorakan penunton akan lebeh menyenangkan lagi matlamat Brunei mencatit mata penuh di perlawanan pertama.

Brunei di jangka menurunkan: Ali Haji Ismail, Pg. Tajuddin, Jafari Samad, Yusof Rashid, Ahmad Hj. Mohin, Ahmad Metarsad, Morni Hj. Muhammad, Shari Timbang, Zainuddin Kassim, Majidi Ghani dan Jaafar Sulong.



**Morni Hj. Muhammad**



**Ahmad Metarsad**

## Liga Perka bermula 9 Dis.

KEJOHANAN liga bolasepak Perka kali kedua akan bermula pada hari Ahad ini, 9hb. Disember. Sebanyak 16 buah pasukan akan bertanding bagi merebut tahta kejuaraan.

Ianya dibahagikan kepada empat kumpulan dan pasukan yang menjadi johan di tiap-tiap kumpulan akan mewakili kumpulannya untuk terus memasuki peringkat separuh akhir nanti.

Kumpulan A terdiri dari Badan Kebajikan dan Sukan Jabatan Kerahan Tenaga Awam, Berakas, Muara Spurs, Persatuan Belia Bersatu, dan Jerudong Park; Kumpulan B: Perangkab, Perka, Bega FC dan Shift United.

Kumpulan C: Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal (GPSBSSR), Perka B, Indera dan Serasa FC; Kumpulan D terdiri dari Sabina FC, Muara United, Pita dan Jerudong FC.



**SOROTAN ..... Brunei ketika menemui Sabah dalam salah satu perlawanan siri Piala Malaysia mu... lepas.**

# KENYATAAN2 DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

### PEMOTONGAN RUMPUT DAN BELUKAR

TAWARAN-tawaran adalah dijemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di Pejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dari pemburung-pemburung tempatan sehingga hari Rabu 12hb Januari, 1983 jam 12.00 tengah hari bagi kerja-kerja tersebut dibawah : —

PEMOTONGAN RUMPUT DAN BELUKAR DALAM KAWASAN BANDARAN, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI TAHUN 1983.

2. Kerja-kerjanya hendaklah dijalankan sebaik-baik sahaja tawaran dikeluarkan atau satu tarikh yang akan ditetapkan.

3. Tawaran hendaklah menyatakan harga tawaran bagi satu-satu kawasan yang dimaksudkan dalam jadual yang disediakan.

4. a) Maaloman-maaloman lanjut dan spesifikasi tawaran bolehlah diperolehi daripada Setiausaha Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Brunei.

b) Pemereksaan kedudokan dan keluasan satu kawasan bolehlah dilakukan semasa waktu pejabat.

5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup tanpa membubuh hal ehwal yang menawar tetapi hanya dengan perkataan "SULIT — PEMOTONGAN RUMPUT DAN BELUKAR" dan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei.

6. Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $500.00 (Lima Ratus Ringgit Sahaja) adalah dikehendaki dibayar oleh pemburung-pemburung yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemburung-pemburung yang tidak berjaya.

7. Tawaran diterima selepas itu tidak akan dilayan dan Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran mengenainya.

---

## AMMUNITION DEPOT PENANJONG CANTONMENT

TAWARAN-tawaran adalah dijemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di Pejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dari Pemburung-pemburung Kelas AX dan atas sehingga hari Selasa 25hb Januari 1983 jam 12.00 tengah hari bagi pembinaan projek yang tersebut dibawah : —

Ammunition Depot — Penanjong Cantonment Construction, Completion and installation of the following additional works : —

(i) Modification to internal layout of Guard House
(ii) Pump House
(iii) Division Security Fence
(iv) Battery Charging Room
(v) AHU Room
(vi) Two 20,000 gallons static water tanks

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang disebutkan diatas akan tidak dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa -identiti pemburung-pemburung dan sampul surat itu mestilah ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mestilah ditanda dengan seperti berikut : —

Tawaran untuk : Ammunition Depot — Penanjong Cantonment Construction, Completion and installation of the following additional works : —

(i) Modification to internal layout of Guard House
(ii) Pump House
(iii) Division Security Fence
(iv) Battery Charging Room
(v) AHU Room
(vi) Two 20,000 gallons static water tanks.

4. Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan tawaran yang berkenaan bolehlah dilihat dan didapati dari yang berikut : —

ASSOCIATED CONSULTANTS PRIVATE LIMITED,
F11, Seri Temasek Complex, Seri Shopping Complex,
Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei.

mulai dari hari Rabu 5hb Januari 1983 hingga jam 4.00 petang hari Jumaat 21hb Januari 1983.

5. Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $500.00 (Lima Ratus Ringgit Sahaja) adalah dikehendaki dibayar oleh pemburung-pemburung yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemburung-pemburung yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang bersih (bona-fide tender.)

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan semua pemburung-pemburung adalah dikehendaki membawa dan melihatkan perkara-perkara yang berikut : —

a. Pemburung-pemburung itu adalah pemburung yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam Kategori pemburung yang di-kehendaki;

b. Surat akuan dari bank-bank yang berdaftar di Brunei yang menunjukkan bank-bank itu akan dapat mengeluarkan tender deposit sebanyak 10 peratus dari harga projek jika pemburung itu berjaya.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran-tawaran yang rendah atau pun apa-apa jua tawaran.

## ELECTRICAL AND FIRE ALARM INSTALLATIONS TO GOVERNMENT OFFICES, SERIA

TAWARAN-tawaran adalah dijemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di Pejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dari Pemburung Kelas 'A' sehingga hari Isnin 17hb Januari 1983 jam 12.00 tengah hari bagi pembinaan projek yang tersebut di-bawah : —

ELECTRICAL AND FIRE ALARM INSTALLATIONS TO GOVERNMENT OFFICES, SERIA.

2. Tawaran-tawaran yang di-terima lewat dari tarikh dan masa yang disediakan diatas akan tidak di-layan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemburung dan sampul surat itu mestilah ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mestilah ditanda dengan seperti berikut : —

TAWARAN UNTUK : ELECTRICAL AND FIRE ALARM INSTALLATIONS TO GOVERNMENT OFFICES, SERIA.

4. Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan tawaran yang berkenaan bolehlah dilihat dan didapati dari yang berikut : —

J. ROGER PRESTON AND PARTNERS
Block 2 No. 8, 1st Floor
YTM Seri Paduka Pg Anak Puteri Norain Shophouse
Mile 1¼ Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei

mulai dari hari Isnin 27hb Disember, 1982 hingga jam 4.00 petang hari Isnin 3hb Januari, 1983.

5. Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $500.00 (Lima Ratus Ringgit Sahaja) adalah dikehendaki dibayar oleh pemburung-pemburung yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemburung-pemburung yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang bersih (bona-fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan semua pemburung-pemburung adalah dikehendaki membawa dan melihatkan perkara-perkara yang berikut : —

a. Pemburung-pemburung itu adalah pemburung yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam Kategori pemburung yang di-kehendaki;

b. Surat akuan dari bank-bank yang berdaftar di Brunei yang menunjukkan bank-bank itu akan dapat mengeluarkan tender deposit sebanyak 10 peratus dari harga projek jika pemburung itu berjaya.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran-tawaran yang rendah atau pun apa-apa jua tawaran.

---

## EXTERNAL SEWER LINES, WATER RETICULATION AND GAS MAINS FOR PROPOSED GOVERNMENT HOUSING

1. TAWARAN-tawaran adalah dijemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran dari Pemburung Kelas A bagi pembinaan projek yang tersebut dibawah : —

EXTERNAL SEWER LINES, WATER RETICULATION AND GAS MAINS FOR PROPOSED GOVERNMENT HOUSING, MILE 4, JALAN MUMONG, KUALA BELAIT, BRUNEI.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan kedalam Peti Tawaran yang terletak diluar pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 17hb Januari 1983.

3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang disebutkan diatas akan tidak dilayan.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemburung dan sampul surat itu mestilah ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mestilah ditanda dengan seperti berikut : —

TAWARAN UNTUK : EXTERNAL SEWER LINES, WATER RETICULATION AND GAS MAINS FOR PROPOSED GOVERNMENT HOUSING, MILE 4, JALAN, MUMONG, KUALA BELAIT, BRUNEI.

5. Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan tawaran yang berkenaan bolehlah dilihat dan didapati dari yang berikut : —

AKITEK BERJAYA
Block C3, 2nd Floor, Jefri Bolkiah Shopping Complex,
Mile 1, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei

mulai dari hari Rabu 22hb Disember 1982 hingga jam 4.00 petang hari Rabu 12hb Januari 1983.

6. Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $1,000.00 (Satu Ribu Ringgit Sahaja) adalah dikehendaki dibayar oleh pemburung-pemburung yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemburung-pemburung yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang bersih (bona-fide tender).

7. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikehendaki semua pemburung-pemburung adalah dikehendaki membawa dan melihatkan perkara-perkara yang berikut : —

a. Pemburung-pemburung itu adalah pemburung yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam Kategori pemburung yang di-kehendaki;

b. Surat akuan dari bank-bank yang berdaftar di Brunei yang menunjukkan bank-bank itu akan dapat mengeluarkan 'bankers guarantee' sebanyak 10 peratus dari harga projek jika pemburung itu berjaya.

8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak dilayan.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran-tawaran yang rendah atau pun apa-apa jua tawaran.

## THE SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF DOOR SIGNS AND KEY TAGS FOR THE PROPOSED ARTILLERY REGIMENT COMPLEX AND GARRISON WORKSHOP FOR THE R.B.M.R.

1. TAWARAN-tawaran adalah dijemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di pejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dari Pemburung-pemburung Kelas 'C' and/or Specialist sehingga hari Isnin 10hb Januari 1983 jam 12.00 tengah hari bagi pembinaan projek yang tersebut dibawah:—

THE SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF DOOR SIGNS AND KEY TAGS FOR THE PROPOSED ARTILLERY REGIMENT COMPLEX AND GARRISON WORKSHOP FOR THE R.B.M.R. PENANJONG CANTONMENT, BRUNEI.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang disebutkan diatas akan tidak dilayani.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemburung dan sampul surat itu mestilah ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mestilah ditanda dengan seperti berikut : —

TAWARAN UNTOK

THE SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF DOOR SIGNS AND KEY TAGS FOR THE PROPOSED ARTILLERY REGIMENT COMPLEX AND GARRISON WORKSHOP FOR THE R.B.M.R. PENANJONG CANTONMENT, BRUNEI.

4. Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan tawaran yang berkenaan bolehlah dilihat dan didapati dari yang berikut : —

HO KWONG YEW DAN ANAK2 AKITEK
460, Bangunan Guru-Guru Melayu
Bandar Seri Begawan

mulai dari hari Rabu 29hb Disember 1982 hingga jam 4.00 petang hari Khamis 6hb Januari 1983.

5. Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $100.00 (Satu Ratus Ringgit Sahaja) adalah dikehendaki dibayar oleh pemburung-pemburung yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kapada semua pemburung-pemburung yang tidak berjaya menghantar tawaran yang berseh (bona-fide tender).

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran-tawaran yang rendah atau pun apa-apa jua tawaran.

---

## TAWARAN UNTOK : SUPPLY AND INSTALLATION OF PROPRIETORY STORAGE SYSTEM TO COMBAT ENGINEER SQUADRON, PENANJONG CANTONMENT, TUTONG FOR R.B.M.R.

1. TAWARAN-tawaran adalah dijemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di pejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dari Pemburung Specialist sehingga hari Isnin 17hb Januari 1983, jam 12.00 tengah hari bagi pembinaan projek yang tersebut dibawah: —

SUPPLY AND INSTALLATION OF PROPRIETORY STORAGE SYSTEM TO COMBAT ENGINEER SQUADRON, PENANJONG CANTONMENT, TUTONG FOR R.B.M.R.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang disebutkan diatas akan tidak dilayani.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemburung dan sampul surat itu mestilah ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mestilah ditanda dengan seperti berikut : —

TAWARAN UNTOK :
SUPPLY AND INSTALLATION OF PROPRIETORY STORAGE SYSTEM TO COMBAT ENGINEER SQUADRON, PENANJONG CANTONMENT, TUTONG FOR R.B.M.R.

4. Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan tawaran yang berkenaan bolehlah dilihat dan didapati dari yang berikut : —

SAA PARTNERSHIP
Yunit 1, Blok E,
Tingkat Pertama
Bangunan Jefri Bolkiah,
Seri Kompleks
Jalan Tutong,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

mulai dari hari Rabu 29hb Disember 1982 hingga jam 4.00 petang hari Khamis 6hb Januari 1983.

5. Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $500.00 (Limat Ratus Ringgit Sahaja) adalah dikehendaki dibayar oleh pemburung-pemburung yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kapada semua pemburung-pemburung yang tidak berjaya menghantar tawaran yang berseh (bona-fide tender).

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran-tawaran yang rendah atau pun apa2 jua tawaran.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

**TAWARAN BIL. 151/1982**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Lembaga Tawaran, Pejabat Setiausaha Kerajaan Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, Isnin 17hb Januari 1983 bagi kerja-kerja yang berikut:—

TAWARAN UNTOK MEMBERSEHKAN LALUAN TALIAN PENGALIRAN OVERHEAD 33,000 VOLTS/ 66,000 VOLTS.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran ini adalah $300.00.

## JABATAN PERKHIDMATAN LETRIK, BRUNEI

TAWARAN-tawaran akan di terima oleh Lembaga Tawaran, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengahhari, Isnin, 31hb. Januari 1983 bagi kerja-kerja berikut:-

TAWARAN BAGI PENANAMAN KIBAL VOLTAN DIANTARA STESYEN-KECHIL HOSPITAL BARU DENGAN STESYEN-KECHIL PROJEK ISTANA BARU DI BATU 2½ JALAN TUTONG.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Chengkeram (Deposit) untuk tawaran ini ialah $1,000.00

## PEMBERITAHUAN TAWARAN-TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN LETRIK, BRUNEI

**TAWARAN BIL. 152/1982**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemburung-pemburung Pemasangan Letrik yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 10hb Januari 1973 bagi kerja-kerja yang berikut: —

PEMASANGAN LETRIK UNTUK 1 BLOK 12 UNIT FLAT KELAS "E" SEKOLAH MELAYU LIMAU MANIS, DI-KAMPONG LIMAU MANIS, BRUNEI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran ini adalah $200.00.

**TAWARAN BIL. 153/1982**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemburung-pemburung Pemasangan Letrik yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 10hb Januari 1973 bagi kerja-kerja yang berikut: —

PEMASANGAN LETRIK UNTUK SAMBUNGAN OPIS DAN LETAK KERETA BAGI PEJABAT UGAMA, KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran ini adalah $200.00.

**TAWARAN BIL. 154/1982**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemburung-pemburung Pemasangan Letrik yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 10hb Januari 1973 bagi kerja-kerja yang berikut: —

PEMASANGAN LETRIK UNTUK 1 BUAH RUMAH BIDAN KELAS 'F' DI-KAMPONG LUMUT.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran ini adalah $200.00.

**TAWARAN BIL. 155/1982**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemburung-pemburung Pemasangan Letrik yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 10hb Januari 1973 bagi kerja-kerja yang berikut: —

PEMASANGAN LETRIK BAGI CADANGAN KELINIK PERUBATAN DAN KESIHATAN DI-SUNGAI TERABAN, KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran ini adalah $200.00.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN-tawaran adalah dijemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat diPejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dari pemburung-pemburung Specialist sehingga hari Isnin, bertarikh 24hb. Januari, 1983 jam 12.00 tengahhari bagi pembenaan projek yang tersebut dibawah: —

SUPPLY AND INSTALLATION OF PROPRIETORY STORAGE SYSTEM TO CLERKS AND SIGNALS TRAINING WING, PENANJONG CANTONMENT, TUTONG FOR R.B.M.R.

2. Tawaran-tawaran yang di terima lewat dari tarikh dan masa yang di sebutkan di atas akan tidak di layan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampol surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemburung dan sampul surat itu mestilah ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mestilah di tanda dengan seperti berikut: —

TAWARAN UNTOK SUPPLY AND INSTALLATION OF PROPRIETORY STORAGE SYSTEM TO CLERKS AND SIGNALS TRAINING WING, PENANJONG CANTONMENT, TUTONG FOR R.B.M.R.

4. Dukumen-dukumen dan lukisan-lukisan tawaran yang yang berkenaan bolehlah di lihat dan di dapati dari yang berikut: —

SAA PARTNERSHIP YUNIT I, BLOK E, TINGKAT PERTAMA BANGUNAN JEFRI BOLKIAH, SERI KOMPLEKS JALAN TUTONG, B.S. BEGAWAN, BRUNEI

mulai dari hari Rabu bertarikh 5hb. Januari, 1983 hingga jam 4.00 petang hari Khamis bertarikh 13hb. Januari, 1983.

5. Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $500.00 (Lima Ratus Ringgit Sahaja) adalah di kehendaki di bayar oleh pemburung-pemburung yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan di kembalikan kepada semua pemburung-pemburung yang tidak berjaya yang meng hantar tawaran yang bersih (bona fide tender).

6. Tawaran-tawaran mestilah di hantar dengan menggunakan burang-burang tawaran yang telah di sediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak di layan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Beginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran-tawaran yang rendah atau pun apa-apa jua tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN-tawaran adalah dijemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat diPejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dari pemburung-pemburung Specialist sehingga hari Isnin, bertarikh 24hb. Januari, 1983 jam 12.00 tengahhari bagi pembenaan projek yang tersebut dibawah: —

SUPPLY AND INSTALLATION OF PROPRIETORY STORAGE SYSTEM TO ARMOURED RECONNAISSANCE SQUADRON HEADQUARTERS, PENANJONG CANTONMENT, TUTONG FOR R.B.M.R.

2. Tawaran-tawaran yang di terima lewat dari tarikh dan masa yang di sebutkan di atas akan tidak di layan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampol surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemburung dan sampul surat itu mestilah ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mestilah di tanda dengan seperti berikut: —

TAWARAN UNTOK SUPPLY AND INSTALLATION OF PROPRIETORY STORAGE SYSTEM TO ARMOURED RECONNAISSANCE SQUADRON HEADQUARTERS PENANJONG CANTONMENT, TUTONG FOR R.B.M.R.

4. Dukumen-dukumen dan lukisan-lukisan tawaran yang berkenaan bolehlah di lihat dan di dapati dari yang berikut: —

SAA PARTNERSHIP YUNIT 1, BLOK E, TINGKAT PERTAMA BANGUNAN JEFRI BOLKIAH, SERI KOMPLEKS JALAN TUTONG, B.S. BEGAWAN, BRUNEI

mulai dari hari Rabu bertarikh 5hb. Januari, 1983 hingga jam 4.00 petang hari Khamis bertarikh 13hb. Januari, 1983.

5. Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $500.00 (Lima Ratus Ringgit Sahaja) adalah di kehendaki di bayar oleh pemburung-pemburung yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan di kembalikan kepada semua pemburung-pemburung yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang bersih (bona fide tender).

6. Tawaran-tawaran mestilah di hantar dengan menggunakan burang-burang tawaran yang telah di sediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak di layan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Beginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran-tawaran yang rendah atau pun apa-apa tawaran.

## TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the State Financial Office, Bandar Seri Begawan, Brunei by 12 noon on Monday 31st. January, 1983 for SUPPLY OF DRUGS AND MEDICINES TO GENERAL HOSPITAL, B.S.B. BRUNEI FOR 1983. Tenders received after this time will be rejected.

2. That tenders may only be accepted from authorised Pharmaceutical Distributors licenced under the Poisons Enactment.

3. That all drugs supplied must be at least 2 years to expiry date.

4. That tenderers may submit more than one brand of any item provided that the tendered brands are within his/her authorised distribution lines.

5. That all tenders must be accompained by: —

a). Sample of product offered

i.e. 10 tablets or capsules.
60ml. if liquid.
1 vial or ampoule if injections.
10gm. if creams or ointment.

b). Information leaflet relating to each item must be submitted.

6. Tenderers must indicate name of drug offered, its country of origin and name of manufacturers.

7. Successful tenderers will be required to store stocks of drugs in an airconditioned room.

8. Tenders must state expected delivery period of each item tendered for.

9. The Contract may be terminated by either party by giving one month's notice in writing.

10. Tenders must indicate packing size of items offered.

11. List of items for tender for the above department can be obtained from Account Section, Medical Headquarters, Bandar Seri Begawan, Brunei.

12. Tenders must be placed in plain sealed envelope on the face of which should be written SUPPLY OF DRUGS AND MEDICINES TO GENERAL HOSPITAL, B.S.B. BRUNEI FOR 1983. There must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

13. Tender deposit will be $500.00.

14. Government does not bind itself to accept the lowest or anytender.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN J.K.R.

TAWARAN-tawaran akan di terima oleh LEMBAGA TAWARAN, BRUNEI daripada kontrektor-kontrektor kelas 'B' sahaja dan keatas yang berdaftar dengan JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI sahingga jam 12.00 tengah hari pada 17hb. Januari, 1983 bagi:

MEMOTONG RUMPUT DIDAERAH BELAIT

Surat-surat keterangan serta butir-buttir lain boleh di-lihat dan di-dapati di-JABATAN KERJA RAYA, KUALA BELAIT.

## MEDICAL DEPARTMENT TENDER NOTICE

### SUPPLY OF STOCK TO THE CENTRAL STATE LABORATORY

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the State Secretariat Office, Bandar Seri Begawan, Brunei by 12 noon on Monday 17th January, 1983 for SUPPLY OF STOCK TO THE CENTRAL STATE LABORATORY, BRUNEI. Tenders received after this time will be rejected.

2. Tenders are invited to supply for the items from 1st January, 1983 to the 31st December, 1983. Due to limitation of shelf-life of some of the re-agents or test kits, tenders will be required to supply items at regular intervals, e.g. by monthly, quarterly etc as and when instructed.

3. The successful tenders will be prepared to stock in air conditioned rooms, refrigerators or freezers accordingly unless required. Stocks must reach us in appropriate packing and desired temperature if this is required.

4. Tenders must supply stocks with long expiry dating.

5. Tenders for items which are listed with manufacturer catalogue number must be the exact items, because alternative cannot be used.

6. Manufacturer with catalogue number must be listed samples submitted for verification purposes for those "please specify" items. Samples thus submitted will not be returned to the tenderers.

7. List of items for tender for the above department can be obtained from Account Section, Medical Headquartrs, Bandar Seri Begawan, Brunei.

8. Tenders must be placed in plain sealed envelope on the face of which should be written SUPPLY OF STOCK TO THE CENTRAL STATE LABORATORY, BRUNEI. There must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

9. Tender deposit will be $500.00.

10. Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### SUPPLY OF ANTIBIOTICS TO GENERAL HOSPITAL

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the State Secretariat Office, Bandar Seri Begawan, Brunei by 12.00 noon on Monday 17th January, 1983 for SUPPLY OF ANTIBIOTICS TO GENERAL HOSPITAL, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI. Tenders received after this time will be rejected.

2. That tenders may only be accepted from authorised Pharmaceutical distributors under this Poisons Enactment.

3. That ALL items supplied must be at least 1½-2 years to expiry date.

4. That all tenders must be accompanied by: —

a) Samples of product offered— 10 units in case of tablets or capsules, 1 vial in case of injection, 60ml. in case of syrup, and 1 can in case of sprays.

b) Information leaflet on each product offered, indicating name of antibiotic, country of origin and manufacturer of this antibiotic.

c) A copy of Certificate of Analysis of each item offered must also be submitted.

5. The successful tenderer will be required to store stocks of drugs in an air-conditioned room.

6. The contract may be terminated by either party by giving one month's notice in writing

7. Tenders must indicate packing size (i.e. No. of tablets/capsules per pack or volume of fluid per bottle) of items offered.

Condition No. (6) is included in case we received drug bulletins on any of the tendered items which need to be withdrawn from use due to some dangerous contra-indications.

8. List of items for tender for the above department can be obtained from Account Section, Medical Headquarters, Bandar Seri Begawan, Brunei.

9. Tenders must be placed in plain sealed envelope on the face of which should be written SUPPLY OF ANTIBIOTICS TO GENERAL HOSPITAL, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI. There must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

10. Tender deposit will be $500.00.

11. Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI — KENYATAAN TAWARAN

### BIL. 339 TAHUN 1982

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemburung-pemburung Kelas "B" dan keatas yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Brunei oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan sehingga jam 12.00 tengah hari pada 10hb Januari, 1983 bagi kerja-kerja yang berikut:—

TAMBAHAN PEJABAT UGAMA TUTONG.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### BIL. 340 TAHUN 1982

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemburung-pemburung Kelas "A" sahaja yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Brunei oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan sehingga jam 12.00 tengah hari pada 10hb Januari, 1983 bagi kerja-kerja yang berikut:—

PERUMAHAN BAGI KEKITANGAN BOMBA LAPANGAN — TERBANG (PERENGKAT 4) YANG DICADANGKAN DI JALAN COSTAIN — LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA, BRUNEI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### BIL. 341 TAHUN 1982

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemburung-pemburung Kelas "B" dan keatas yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Brunei oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan sehingga jam 12.00 tengah hari pada 10hb Januari, 1983 bagi kerja-kerja yang berikut:—

MENCAT SEMULA BAHAGIAN LUAR PEJABAT PERABUT/BANGUNAN WORKSHOP TUKANG KAYU DI-JALAN LAPANGAN TERBANG, BRUNEI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### BIL: 342 TAHUN 1982

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal-pembekal oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan sehingga jam 12.00 tengahhari pada 17hb. Januari, 1983 bagi kerja-kerja yang berikut:—

MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MEMBUAT PERCUBAAN BARANG-BARANG MAKMAL, BAHAGIAN SALORAN NAJIS, BRUNEI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah di lihat dan diperolehi dari opis Jabatan Kerja Raya Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### BIL: 343 TAHUN 1982

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemburung-pemburung kelas "B" dan keatas yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Brunei oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan sehingga jam 12.00 tengahhari pada 17hb. Januari, 1983 bagi kerja-kerja yang berikut:—

TAMBAHAN DAN PEMBAHARUAN KEPADA KLINIK KESIHATAN YANG ADA DI KAMPONG PERPINDAHAN, BERAKAS, BRUNEI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah di lihat dan diperolehi dari opis Jabatan Kerja Raya Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### BIL: 344 TAHUN 1982

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemburung-pemburung kelas "B" dan keatas yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Brunei oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan sehingga jam 12.00 tengahhari pada 17hb. Januari, 1983 bagi kerja-kerja yang berikut:—

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA KESELURUHAN SEKOLAH S.M.-MS, BUNUT, BATU 5, JALAN TUTONG, BRUNEI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah di lihat dan diperolehi dari opis Jabatan Kerja Raya Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### BIL: 345 TAHUN 1982

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemburung-pemburung Pengangkat Tanah kelas "AX" dan keatas yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Brunei oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan sehingga jam 12.00 tengahhari pada 17hb. Januari, 1983 bagi kerja-kerja yang berikut:—

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 20,000 CU.YDS. TANAH TIMBUKAN YANG DI LULUSKAN BAGI JALAN TUNGKU DIANTARA SAMBONGAN C.H. 25,500 C.H. 27,000, BATU 1½ JALAN GADONG, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah di lihat dan diperolehi dari opis Jabatan Kerja Raya Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### BIL: 346 TAHUN 1982

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal-pembekal oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan sehingga jam 12.00 tengahhari pada 17hb. Januari, 1983 bagi kerja-kerja yang berikut:—

MENGADAKAN DENGAN HARGA CIF BRUNEI SATU (1) YUNIT—SAIKLON PEMUNGUT DEBU UNTUK BARBER GREENE MODEL LOJI ASPAL KELOMPOK BC 22 TPH 80.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah di lihat dan diperolehi dari opis Jabatan Kerja Raya Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### BIL: 347 TAHUN 1982

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal-pembekal oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan sehingga jam 12.00 tengahhari pada 17hb. Januari, 1983 bagi kerja-kerja yang berikut:—

MENGADAKAN DENGAN HARGA CIF BRUNEI EMPAT BELAS (14) YUNIT MOTORSIKAL.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah di lihat dan diperolehi dari opis Jabatan Kerja Raya Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### BIL: 348 TAHUN 1982

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal-pembekal oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan sehingga jam 12.00 tengahhari pada 17hb. Januari, 1983 bagi kerja-kerja yang berikut:—

MENGADAKAN TILAM-TILAM, BANTAL-BANTAL DAN BANTAL-ALAS-ALAS DARI JENIS BUEH GETAH UNTUK J.K.R. BANDAR SERI BEGAWAN BAGI TEMPOH SELAMA SETAHUN.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah di lihat dan diperolehi dari opis Jabatan Kerja Raya Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## KENYATAAN TAWARAN
## CADANGAN PEJABAT DAERAH/PEJABAT PERTANIAN, BRUNEI

1. TAWARAN-tawaran adalah dijemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di pejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dari Pemburung-pemburung Kelas 'A'.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang disebutkan diatas akan tidak dilayani.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemburung-pemburung dan tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di luar pejabat Pegawai Kewangan Negara ditingkat bawah Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 24hb Januari 1983.

4. Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan tawaran yang berkenaan bolehlah dilihat dan didapati dari yang berikut: —

AKITEK BILLINGS LEONG & REX KOH
43, Tingkat Empat
Britannia House
Jalan Cator
Bandar Seri Begawan
Brunei

mulai dari hari Rabu 29hb Disember 1982 hingga jam 12.00 tengah hari, hari Sabtu, 18hb Januari 1983.

5. Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $10,000.00 (Sepuloh Ribu Ringgit Sahaja) adalah dikehendaki dibayar oleh pemburung-pemburung yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kapada semua pemburung-pemburung yang tidak berjaya menghantar tawaran yang berseh (bona-fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran diluarkan semua pemburung-pemburung adalah dikehendaki membawa dan melihatkan perkara-perkara yang berikut : —

a) Pemburung - pemburung itu adalah pemburung yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam Kategori Kelas 'A' Pemburung yang dikehendaki.

b) Surat akuan dari bank-bank yang berdaftar di Brunei yang menunjukkan bank-bank itu akan dapat mengeluarkan tender deposit sebanyak 10 peratus dari harga projek jika pemburung itu berjaya. Pemburung-yang terdiri dari bumiputera adalah dikecualikan dalam hal ini.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan burang-burang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran-tawaran yang rendah atau pun apa-apa jua tawaran.

## TAWARAN JABATAN SETOR-SETOR DAN PERBEKALAN-PERBEKALAN NEGARA

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei, di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengahhari, hari Isnin, 17hb. Januari 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Setor dan Perbekalan-Perbekalan Negara, Brunei.

Tawaran Bil. 133/82 — Pembekalan Broom Head Nylon dan lain2.

Tawaran Bil. 134/82 — Pembekalan Blanket Nylon.

Tawaran Bil. 135/82 — Pembekalan WD 40 Aerosol dan Swarfega (Industrial Hand Cleaner).

Tawaran Bil. 136/82 — Pembekalan Rubber Dust Bin with Lid.

Tawaran Bil. 137/82 — a) Pembekalan 4 nos Wickham lift and force double diaphragm pumps with 4" suction and 4" delivery connections and powered with LTI Mark II air cooled diesel engines and mounted on high speed road trailer.

b) 4 nos sets of recommended pump and engines spares.

Tawaran Bil. 138/82 — Flyght Pump Submersible Model 3085 Lt 3 phase impeller curve 414 volts 415.

CS Pedestal version for free standing installation. Flow passage 75mm (3") complete with all necessary fittings. Amoured delivery hose nominal diameter 75mm (3") length 5m including galvanised clamps. Automatic control pannel (weather proof) for operation at one pump. ENH 10 level regulators 6m cable. Power cable 8m length.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Setor-setor dan Perbekalan-Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong, Brunei semasa waktu-waktu bekerja.

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei, di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengahhari, hari Isnin, 24hb Januari, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Setor dan Perbekalan-Perbekalan Negara, Brunei.

Tawaran Bil. 139/82—Pembekalan Asbestos Cement Presure Pipe and Joints to B.S. 486/1966 Class 'B' Bitumen Dipped Pipes to be suitably protected Against Chipping at ends. Pipes should be in standard length of 4 metres.

Tawaran Bil. 140/82—Pembekalan Steel Pipes and Fittings shall conform to B.S. 3601 of 1982 etc.

Tawaran Bil. 141/82—Pembekalan Cast Iron Plain Ended Sluice Valve to B.S. 1218 Class I fitted with spindle cap arranged for clockwise closing etc.

Tawaran Bil. 142/82—Pembekalan Cast Iron Specials and Fittings to B.S. 78/65 and 2035/66 Flanges Drilled to B.S. 10 Table 'D' suitable for use with A.C. Pipe Class 'B'.

Tawaran Bil. 143/82—Pembekalan Soda Ash Granular (Sodium Carbonate).

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Setor-setor dan Perbekalan-Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong, Brunei semasa waktu-waktu bekerja.

## R.B.M.R. TENDER NOTICES

**TENDER No. 1/1983**
SUPPLY OF FURNITURE CLASS I, II AND III REPAIR TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT.

1. General Conditions of RBMR Contract for the Purchase of Goods and Services Dated June 1982 are to apply.
2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon, on Monday 31st January 1983.
3. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistics Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours.
4. The Govenment of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

**TENDER No. 2/1983**
SUPPLY OF COLCHESTER BANTAM LATHE AND ACCESSORIES TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT.

1. General Conditions of RBMR Contract for the Purchase of Goods and Services dated June 1982 are to apply.
2. Brochures/Catalogues to Procurement Office, Logistics Depot Berakas Garrison by 3rd February 1983.
3. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon, on Monday 31st January 1983.
4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistics Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours.
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## KENYATAAN TAWARAN
## SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF DECORATIVE ARCHES TO THE PROPOSED ARTS AND CRAFTS CENTRE

1. TAWARAN-tawaran adalah dijemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di pejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dari Pemburung-pemburung Kelas 'C' keatas sehingga hari Isnin 17hb Januari 1983 jam 12.00 tengah hari bagi pembinaan projek yang tersebut di-bawah : —

SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF DECORATIVE ARCHES TO THE PROPOSED ARTS AND CRAFTS CENTRE AT JALAN RESIDENCY, BRUNEI.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang disebutkan diatas akan tidak dilayani.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemburung dan sampul surat itu mestilah ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mestilah ditanda dengan seperti berikut : —

SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF DECORATIVE ARCHES TO THE PROPOSED ARTS AND CRAFTS CENTRE AT JALAN RESIDENCY, BRUNEI.

4. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan didapati dari pejabat berikut:—

AKITEK IBRAHIM
(Akitek Berkanun)
201 Chandrawaseh Shopping Complex
Mile 1, Jalan Tutong
Bandar Seri Begawan
Brunei

mulai dari hari Rabu 5hb Januari 1983 hingga jam 12.00 tengah hari, hari Sabtu 15hb Januari 1983.

5. Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $100.00 (Satu Ratus Ringgit Sahaja) adalah dikehendaki dibayar oleh pemburung-pemburung yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kapada semua pemburung-pemburung yang tidak berjaya menghantar tawaran yang berseh (bona-fide tender).

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan burang-burang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran-tawaran yang rendah atau pun apa-apa jua tawaran.

# Sudah sampai masanya MBB jadi ejen penyedar

BANDAR SERI BEGAWAN. — MBB diingatkan sudah sampai masanya kini ianya menjadi ejen penyedar kepada belia-belia dinegeri ini untuk mempergunakan masa bagi menyertai usaha besar masyarakatnya yang menginginkan kejayaaan berterusan, kemakmoran dan kebahagiaan yang meluas.

Untuk itu MBB perlu merenung balek tahap pencapaian yang telah disumbangkannya kepada negeri ini ketika ini.

YB Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awg. Abdul Rahman berkata pencapaian usia 25 tahun MBB ketika ini adalah suatu jangka masa yang membolehkan ianya mempergunakan pengalaman dalam kewujudannya untuk menilai corak kegiatan yang baik dan memberi kesan.

"Kerana fungsi Majlis Belia-Belia tidaklah semestinya terikat pada menyediakan kegiatan-kegiatan bagi mengisi masa lapang anak-anak muda untuk mengelakkan delinquency atau kenakalan semata-mata," ujarnya.

Dalam pertumbuhan ekonomi negeri ini, tambah beliau, sugutan-sugutan kekurangan kemudahan-kemudahan riadah bagi belia-belia disamping sugutan kesukaran mendapat pekerjaan bagi belia-belia lepasan sekolah telah didengar.

Menjelaskan sungutan kesukaran mendapat pekerjaan itu, YB Pemangku Setiausaha Kerajaan berkata perkara demikian merupakan gambaran terdapatnya sikap memilih kerja dikalangan belia negeri ini dan ini agak berbeza dari belia-belia negera membangun yang lain, yang telah membasmi sikap demikian.

Katanya, pemimpin-pemimpin belia dalam hubungan ini perlu sama-sama menimbulkan kesedaran dan perubahan sikap dikalangan ahli-ahli pertubuhan belia betapa pun ianya satu proses yang sangat sukar namun bukanlah pula suatu yang mustahil untuk dilaksanakan kiranya kita ada kemahuan.

"Kita akan terus bergantung kuat kepada tenaga-tenaga pekerja dari luar negeri sekiranya belia-belia kita tidak mengubah sikap enggan untuk menyandang kerja-kerja kolar biru dan masih suka akan kerja-kerja kolar putih saja," jelas Yang Berhormat itu.

Menurutnya lagi, pekerjaan kolar biru bukan merupakan bidang pekerjaan yang tidak menguntungkan dari segi pendapatan, malah dalam rentak pembangunan kita akan terus dipergiatkan dimana pekerja-pekerja mahir diperlukan adalah dikhuatiri anak-anak tempatan akan tersisih dalam arus pembangunan negaranya sendiri kerana sikap yang negatif itu.

Beliau seterusnya berharap melalui ahli-ahli MBB kesedaan akan timbul dikalangan masyarakat supaya jangan menganggap belia-belia yang memasuki sekolah-sekolah teknikal sebagai tidak berupaya dalam persekolah malah perangasang perlu diberikan kerana sekil atau kepandaian dari sekolah-sekolah tersebut sangat diperlukan dalam kita menempuh pembangunan akan datang.



Y.B. Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman.

# MBB DISARAN SESUAIKAN JENTERA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Belia-Belia Negeri Brunei (MBB) disaran supaya menyesuaikan jentera pengerakannya untuk mengwujudkan satu corak belia yang berdisiplin, dinamik serta bertanggungjawab sebagai ejen-ejen perkembangan dan pendokong hasrat negara yang efektif dan reliable.

Berucap ketika merasmikan Kongres Agung MBB baru-baru ini, YB Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awg. Abdul Rahman, Pemangku Setiausaha Kerajaan juga menyarankan supaya MBB akan menilai semula jurusan pergerakan dan aktibiti-aktibiti persatuan-persatuan belia dan badan-badan yang bergabung.

Menurutnya ada kemungkinan terdapat setengah-tengah persatuan tidak aktif dan memerlukan MBB mengambil sikap untuk menentukan samada ianya masih perlu dicatit sebagai ahli bergabung atau tidak.

Beliau yakin dengan cara demikian adalah lebih baik MBB mempunyai jumlah keahlian yang lebih kecil tetapi aktif daripada jumlah yang besar tetapi pasif.

"Majlis Belia-Belia tidak seharusnya menyempitkan bidang pergeraknya sebab tenaga tuan-tuan dan puan-puan yang sudah lama mengganggotai pertubuhan ini adalah diperlukan untuk terus-menerus menjadi tapak asuhan bagi lain-lain belia yang ingin mengenal lebih mendalam akan keperluan-keperluan sebenarnya dinegeri ini," tambah Yang Berhormat itu.

Kearah itu YB Pemangku Setiausaha Kerajaan yakin MBB berupaya bukan sahaja akan menimbulkan bakal-bakal pemimpin yang berkaliber, malah dapat menimbulkan satu corak belia yang berdisiplin, dinamik serta bertanggungjawab.

Pencapaian matlamat demikian, tambah beliau, memerlukan beberapa unsur yang antaranya persiapan diri belia-belia dengan corak akademik yang berpatutan dengan keperluan negeri ini yang akan berhadapan dengan dunia antarabangsa.

Terdahulu dalam ucapannya, YB Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan menyatakan harapan agar MBB yang merupakan indung kepada pertubuhan-pertubuhan di negeri ini akan terus meningkatkan usaha-usaha yang sedia ada terutama melahir dan membimbing para belia yang berkemahuan dan berkesanggupan.

"Iaitu belia-belia yang siap sedia dengan fikiran yang matang dan bertindak sihat serta bersedia menyumbangkan buah fikiran yang membina, tenaga serta bakti secara positif dan tidak tawar menawar," jelas beliau.

Ini selayaknya juga, tambah Yang Berhormat itu, MBB perlu menimbulkan kumpulan-kumpulan belia yang benar-benar boleh menjadi penggerak dan ejen-ejen pembangunan negeri ini yang menempuh cabaran-cabaran pembangunannya sekarang dan masa akan datang.

"Supaya kita akan dapat mencatitkan sejarah kebangkitan dan kejayaan belia-belia yang benar-benar bertanggungjawab dan sanggup memainkan peranannya secara berkesan dan positif," ujarnya.

# Titah Kebawah DYMM

Dari muka 1

lagi, tahun 1982 yang baru saja ditinggalkan kita telah dapat menikmati keamanan, ketenteraman dan kemakmuran. Keamanan dan ketenteraman ini telah dapat dipelihara dan dikekalkan dengan kebijaksanaan dan kecekapan pasukan-pasukan keselamatan yang terdiri dari Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei dan Pasukan Pulis Diraja Brunei serta kerjasama rakyat dan penduduk dinegeri ini.

## Galat-menggalati

Seterusnya Kebawah DYMM mengingatkan rakyat dan penduduk negeri ini supaya sentiasa mengamalkan sikap rajin berusaha serta memelihara perpaduan yang diredai Allah dalam ertikata bersopan-santun dan galat-menggalati diantara satu dengan yang lain, hidup dengan penuh beradat dan beradab zahir dan batin yang mana sistem kehidupan saperti itu adalah seisi de- identiti ke Bruneian tulin yang kita waris zaman ke zaman.

"Satu dari perkara baik diamalkan dalam jua bentuk perkemb- khususnya dalam pe- bangan masyarakat kesederhanaan dan se- baik pegangan bi- pertengahan yang sifat sedemikian itu ad- disuruh oleh ugama titah Kebawah DYMM lanjutnya.

Bersempena saat berbahagia itu, Keba- DYMM dan ahli- keluarga Baginda de- sukacita berkenan me- niakan titah me- uchapkan "Selamat nyambut Tahun Ba- kepada semua rakyat penduduk Negeri Bru- Darussalam dan ber- semoga Allah ak- memperlindungi ki- semua dan memberk- usaha-usaha kita ya- diredaiNya sepanja- tahun baru ini dan ba- tahun-tahun yang aka- datang.

# Amalkan sifat berlurus

Dari muka 1

apa yang diharapkan ialah persefahaman dan kerjasama orang ramai amat mustahak dalam menanamkan semangat menghargai segala usaha-usaha yang berkebajikan yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

"Semangat seperti adalah sangat penting perlu dimileki oleh seti- ahli masyarakat di Bru- ini, lebih-lebih lagi dal- saat Brunei sedang m- nempoh Hari Kemerde- an yang tulin," jelas Ya- Amat Berhormat.

Dalam ucapan al- aluan itu Yang Am- Berhormat juga tel- memberikan pengharga- kepada semua pegaw- pegawai dan kakitang- kerajaan diatas perkhi- matan cemerlang yan- telah mereka berika- disepanjang tahun lepas.

Katanya: "Memangla- menjadi harapan Keraja- dan orang ramai supa- perkhidmatan seperti akan sentiasa dipe- tahankan dan diperba- mutunya dari satu ma- kesatu masa khusus- pada saat-saat Brunei ak- berdiri diatas kakinya se- diri dan memikul ta- gungjawab kenegaraan dalam semua aspek."

"Tidak ada sumbang- yang lebih berharga se- daripada commitme- yang ikhlas, berlurus kerana Allah serta dedi- dalam menjalankan tu- dengan effisyen."

Pegawai-pegawai Ke- jaan dalam mengama- sifat berlurus dan ke- Allah, tambahnya. jarlah menjunjung atas titah perin- Kebawah Duli Yang Ma- Mulia dalam pembuk- Persidangan Ma- Mesyuarat Negeri ba- baru ini.

# Capai 100% lulus dalam periksa SRPB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua buah sekolah menengah Melayu, dan sebuah sekolah menengah Inggeris kerajaan berjaya mencatitkan kejayaan seratus peratus lulus dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei dalam kedua-dua aliran bagi tahun 1982.

Keputusan peperiksaan tersebut yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Brunei minggu ini menunjukkan dua buah sekolah menengah Misi juga mencapai kejayaan yang sama disamping sebuah pusat peperiksaan persendirian dari Daerah Temburong dalam aliran Melayu.

Sekolah-sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah dan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan/Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains, St. Margaret's dan St Angela's Convents.

Jumlah dari seramai 463 orang calun sekolah dari aliran Melayu menduduki pepereksaan itu, cuma 396 orang calun saja lulus dengan 40 calun mendapat pangkat satu, 156 calun pangkat dua dan 200 calun pangkat tiga.

Manakala dari aliran Inggeris pula yang mendapat pangkat satu ialah 455 orang, pangkat dua 1042 orang dan pangkat tiga seramai 362 orang. Jumlah lulus ialah 1859 calun, manakala jumlah menduduki seramai 2132 calun.

Calun-calun sekolah Misi dan Cina pula yang mendapat pangkat satu ialah 311 orang, pangkat dua 83 orang dan pangkat tiga 32 orang dari jumlah menduduki seramai 436 orang.

Peratus-peratus yang dicapai menunjukkan 85.83 peratus dari sekolah-sekolah aliran Melayu, 92.01 peratus dari sekolah-sekolah Inggeris, 87.20 peratus dari Sekolah-sekolah Misi dan Cina. Manakala dari calun-calun persendirian pula ialah 73.75 peratus dari aliran Melayu dan 50.46 peratus dari aliran Inggeris.

# 5,618 calun lulus periksa PCE

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 5,618 orang murid dari 53 buah Sekolah Persediaan Inggeris Kerajaan, Sekolah-sekolah Misi, China dan Pribet telah lulus dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Rendah (Primary Certificate of Education) yang diadakan tahun lalu.

Ramai murid yang menduduki peperiksaan tersebut ialah seramai 6,640 orang dan peratus kelulusan adalah bersamaan dengan 84.53 meningkat lebih tinggi dari tahun sebelumnya.

Lima buah sekolah telah mendapat 100% lulus iaitu Sekolah PGGMB telah mengekalkan kedudukannya sebagaimana ditahun lepas, Sekolah Antarabangsa, Sekolah Chung Liang, Sungai Liang, Sekolah St. Angela's Convent, Seria dan Sekolah St John's Kuala Belait.

Peperiksaan tersebut telah diadakan diseluruh negeri pada pertengahan bulan Oktober tahun lalu bagi melayakkan murid-murid tersebut memasuki sekolah-sekolah menengah.

Sementara itu, Pejabat Lembaga Peperiksaan disini juga telah mengumumkan keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Rendah (Darjah VI) bagi tahun 1982.

Dari seramai 796 orang murid, dari 59 buah Sekolah Rendah diseluruh negeri, seramai 441 orang telah lulus bagi melayakkan diri memasuki sekolah menengah tahun ini, dengan peratus kelulusan 55.4%

Dari 59 buah sekolah yang mengambil peperiksaan itu, enam buah sekolah telah mendapat keputusan 100% lulus iaitu Sekolah Melayu Berbuloh, Sekolah Melayu Menglait, Sekolah Melayu Lumapas, ketiga-tiganya dari Daerah Brunei dan Muara.

Dan tiga buah sekolah lagi ialah Sekolah Melayu Bukit, Tutong, Sekolah Melayu Birau, Tutong dan Sekolah Melayu Kenua di Daerah Temburong.

DITERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIAUSAHA KERAJAAN DAN DICETAK OLEH JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN BRUNEI.